

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI ISNIN : 24 JUN 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 90 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal selia pembangunan dan adaptasi teknologi kecerdasan buatan agar selari dengan kehendak agama, acuan identiti dan perundangan Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Digital, Kementerian Digital sentiasa komited untuk memperkasakan agenda pembangunan dan adaptasi teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence* – AI) dan seterusnya mewujudkan ekosistem AI yang dipercayai dan selamat.

Sebagai langkah pengawalseliaan pembangunan dan adaptasi teknologi AI yang bertanggungjawab, Kementerian ini bersama-sama dengan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang meneliti dan membangunkan garis panduan dan kod etika bagi pembangunan dan pelaksanaan AI atau *AI Governance and Ethics* (AIGE). Dokumen ini menggariskan panduan khusus berkaitan adaptasi AI yang turut menitikberatkan prinsip-prinsip yang selari dengan kehendak agama, budaya, identiti dan perundangan negara.

Pada masa ini, terdapat Jawatankuasa *Blockchain* dan Kecerdasan Buatan Negara atau *National Blockchain and Artificial Intelligence Committee* (NBAIC) yang diterajui oleh MOSTI turut bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju strategik, menyelaraskan serta memantau inisiatif dalam Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021 – 2025. Melalui Jawatankuasa Kerja berkaitan Perundangan dan Etika, urusan merangka penyelesaian perundangan yang mengekang pembangunan inovasi teknologi AI akan dilaksanakan mengikut prinsip dan garis panduan yang ditetapkan.

Sebagai memenuhi tanggungjawab kolektif, Kementerian Digital juga sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan agensi-agensi Kerajaan lain dalam memastikan penggunaan teknologi AI yang beretika dan selamat, khususnya dalam penciptaan kandungan kerana teknologi AI mempunyai potensi besar untuk merevolusikan industri kandungan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KAR HING (GOPENG)**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan langkah-langkah kerjasama MOSTI dan Kementerian Pendidikan Tinggi melalui *AI Talent Roadmap* 2024-2033 bagi memastikan graduan berkemahiran dalam bidang kecerdasan buatan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, AI Talent Roadmap for Malaysia (2024-2030) telah dilancarkan ketika Majlis Peluncuran Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 pada 10 Mei 2024. Pelan tindakan ini adalah selari dengan usaha kerajaan dalam menerokai peluang ekonomi baharu dengan menyediakan bakat negara yang mencukupi.
2. Justeru, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku Kementerian yang menerajui usaha untuk merakyatkan kecerdasan buatan (AI) akan sentiasa bekerjasama dengan KPT, kementerian lain dan semua pihak ke arah mencapai matlamat ini iaitu melalui :-

a) **Penglibatan MOSTI di dalam Jawatankuasa Kerja Ketiga (JK3)-** Pembangunan Bakat di bawah National Blockchain and Artificial Intelligence Committee (NBAIC) yang diterajui oleh KPT. Fungsi dan peranan JKK 3 ialah menyelaras dan memantau pelaksanaan pelan tindakan yang berkaitan dengan pembangunan bakat dalam teknologi Blockchain dan AI serta program kemahiran semula untuk kemahiran tenaga kerja sedia ada.

Sehingga kini, JKK 3 telah merancang untuk mengadakan konsultasi dengan beberapa pembekal perkhidmatan pendidikan tinggi awam dan swasta termasuk beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai program/kursus yang mempunyai elemen AI. Ini bagi memastikan program dan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan industri.

b) **Pelaksanaan Pelan tindakan MOSTI** melalui program Pembangunan bakat professional untuk mencapai 200 sasaran

## SOALAN NO : 11

menjelang tahun 2025. Ia merupakan sebahagian daripada pelan tindakan MOSTI dengan kerjasama badan-badan profesional seperti *Institute of Electrical and Electronic Engineers* (IEEE) dan juga pihak industri seperti SIRIM.

Di antara program tersebut ialah kursus *Certified AI Assessor* yang dianjurkan bersama *Institute of Electrical and Electronic Engineers* (IEEE) dan SIRIM, bertujuan untuk melahirkan penilai sistem AI yang bertauliah.

3. Dengan langkah-langkah ini, kerajaan berharap dapat melahirkan lebih ramai pakar AI yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan industri dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital negara. MOSTI sentiasa memberikan sokongan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi untuk penyelarasan pembangunan bakat di antara kedua-dua pelan hala tuju ini dalam mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL  
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)  
[LUMUT] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :**

- (a) apakah inisiatif dan halangan bagi memperkasakan koperasi di bawah seliaan Veteran ATM di peringkat Kementerian Pertahanan; dan
- (b) bagaimana kementerian menangani halangan/ kelemahan ini.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan koperasi adalah di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Dalam hal ini, Kementerian Pertahanan tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyelia atau mencampuri urusan koperasi-koperasi yang ditubuhkan oleh veteran ATM atau persatuan-persatuan veteran secara persendirian. Ini termasuklah kebebasan sesuatu kumpulan untuk menubuhkan koperasi dan hak seseorang individu untuk menyertai Koperasi.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa menggalakkan apa-apa inisiatif yang boleh meningkatkan tahap sosioekonomi veteran atau persatuan veteran, selagi mana tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Malah, terdapat beberapa koperasi yang ditubuhkan oleh veteran ATM yang bekerjasama dengan Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dalam menjayakan program pembangunan sosioekonomi untuk warga Veteran ATM. Antaranya, Koperasi Saudagar Veteran Berhad (KOSAVET) yang baru-baru ini telah melancarkan Program '*My Heroes Vending Machine*' untuk memberi peluang kepada veteran untuk menambah sumber pendapatan agar dapat keluar daripada kelompok B40 atau kategori miskin bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh JWP untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Brickfields, Kuala Lumpur, terutamanya di Jalan Sultan Abdul Samad.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara punca berlakunya banjir kilat di kawasan Brickfields adalah disebabkan oleh sistem saliran longkang dan *kerb outlet* tepi jalan yang terhalang dengan sampah sarap dan daun-daun pokok. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah banjir kilat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) sentiasa mengambil tindakan segera bagi memastikan kelancaran aliran air dalam longkang serta air hujan yang memasuki *kerb outlet* longkang tepi jalan tidak terhalang oleh sampah sarap dan daun-daun pokok. Bagi insiden yang berlaku di Jalan Sultan Abdul Samad, kerja-kerja pembersihan sistem saliran terutamanya longkang tepi jalan, *kerb outlet* longkang tepi jalan dan paip longkang yang melintasi jalan (*crossing pipe*) di lokasi kejadian telah dilaksanakan pada kadar segera selepas berlaku insiden banjir kilat tersebut.
2. DBKL juga telah menaiktaraf *kerb outlet* sedia ada bagi melancarkan aliran air di sekitar Jalan Sultan Abdul Samad serta berhampiran Gereja *Our Lady of Fatima*, Brickfields. Ini bagi memastikan kapasiti sistem saliran longkang sedia ada dan sekitarnya terus berada dalam keadaan paling optimum bagi mengurangkan risiko, seterusnya mengelakkan insiden sama berulang.
3. Pada masa yang sama, DBKL juga telah melantik perunding untuk mengkaji masalah banjir kilat di sekitar Jalan Sultan Abdul Samad tersebut. Berdasarkan kajian, didapati antara punca lain yang menyumbang kepada insiden banjir kilat yang berlaku di lokasi adalah disebabkan oleh isu kapasiti kuasa pam berhampiran Sungai Klang yang tidak mencukupi serta kapasiti longkang yang tidak lagi mampu menampung air hujan apabila hujan berintensiti tinggi berlaku. Kajian awalan banjir ini telah dijalankan bermula pada 18 April 2022 dan mengambil masa selama 8 bulan untuk diselesaikan.

## SOALAN NO : 13

4. Kajian ini mendapat kapasiti sistem saliran di sekitar lokasi tidak dapat menampung jumlah hujan yang tinggi; dan kapasiti pam sedia ada di lokasi tidak lagi mampu menampung aliran takungan air yang berlebihan. Oleh yang demikian DBKL kini dalam perancangan untuk melaksanakan satu (1) projek bagi kerja-kerja mempertingkatkan sistem saliran di Jalan Sultan Abdul Samad dan kawasan sekitarnya. Alternatif yang sedang diteroka adalah dengan mengenal pasti kawasan tanah untuk pembinaan OSD (*On Site Detention*) di jajaran Sungai Klang di sekitar kawasan tersebut. Projek OSD merupakan kaedah kawalan di lokasi yang akan 'menampung' lebih taburan hujan bagi mengelakkan kejadian banjir kilat. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada ketersediaan tanah di lokasi projek. Projek tersebut kini dalam proses akhir untuk dilaksanakan dan dijangka boleh dimulakan sebelum penghujung tahun 2024 ini dan selesai selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH  
[ROMPIN]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pelan khusus Kementerian dalam menangani insiden penyeludupan diesel secara terancang dan sejauh manakah tindakan penguatkuasaan yang tegas telah diambil terhadap mana-mana sindiket yang didapati mengugut stesen minyak yang tidak menjual diesel serta petrol RON95 kepada warga asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) memandang serius insiden penyeludupan diesel secara terancang di negara ini. Jenayah penyeludupan bahan api itu adalah penyakit yang boleh merosakkan ekonomi serta merugikan negara jika tidak dikawal. Antara faktor yang mendorong aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi ini adalah disebabkan permintaan yang tinggi di sektor industri di dalam negara dan juga dari negara jiran ekoran daripada jurang harga yang tinggi di stesyen minyak berbanding harga komersial dan juga jurang harga yang tinggi antara harga stesyen di Malaysia berbanding dengan negara jiran yang lain. Ini menyebabkan permintaan yang tinggi daripada industri dan juga pihak-pihak yang berkepentingan.

Menyedari hal itu, KPDN telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha menambah baik tatakelola kawalan berterusan ke atas penjualan dan pengedaran barang kawalan bersubsidi bagi membendung penyelewengan dan memastikan bekalannya sentiasa dapat dinikmati oleh rakyat. Bagi kawalan secara perundangan, KPDN mengambil tindakan dari segi pencegahan dan juga tindakan penguatkuasaan.

Antara tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan Penjualan Petrol RON95 dan Diesel kepada Kenderaan Asing di Stesen Minyak di Sempadan telah dikuatkuasakan dan sentiasa ditambahbaik berdasarkan situasi semasa;
- ii. Mempergiatkan lagi tindakan melalui OPS TIRIS yang dilaksanakan sejak 1 Mac 2023. OPS ini difokuskan kepada usaha untuk membanteras penyelewengan minyak diesel bersubsidi. KPDN juga mengadakan melaksanakan tindakan bersepadu melalui task force bersama agensi iaitu Jawatankuasa Teknikal OPS TIRIS yang di anggotai oleh agensi penguatkuasaan dan agensi yang menguruskan subsidi diesel;

- iii. Tindakan mengawalselia operasi stesen-stesen minyak di negeri bersempadan melalui pelaksanaan Buku Lawatan dan Peti Lawatan yang telah bermula sejak tahun 2021;
- iv. Menempatkan pegawai secara statik di stesen minyak terpilih untuk mengekang salah laku ini;
- v. Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Pasukan Polis Marin, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan serta lain-lain agensi bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan lebih holistik dan efisien;
- vi. Penugasan Pegawai Penguat Kuasa KPDM di lapan lokasi pintu masuk sempadan Negara iaitu Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan sehingga penubuhan Single Border Agency (MCBA) bagi membanteras ketirisan dan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan bersubsidi. Operasi penguatkuasaan ini dilaksanakan di bawah tiga akta yang dikawal selia KPDM iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815);
- vii. Pengesyorkan tindakan penggantungan dan pembatalan lesen CSA stesen minyak yang terbabit dengan aktiviti penyelewengan petrol dan diesel;
- viii. Tindakan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) kepada pihak yang terbabit dengan aktiviti penyelewengan khasnya barang kawalan bersubsidi. Sehingga November tahun 2023, sebanyak RM2.1 juta aset syarikat berkaitan telah dibekukan bagi siasatan kes di bawah AMLA; dan
- ix. Melaksanakan larangan eksport bagi barang bersubsidi diesel termasuk barang-barang lain seperti tepung gandum, gas petroleum cecair, Petrol RON95 serta minyak masak sawit tulen polibeg bagi mengekang ketirisan barang bersubsidi di sempadan negara.

## **NO SOALAN : 14**

Kerajaan secara berterusan melakukan pemeriksaan dan mengambil tindakan berkaitan kesalahan penyeludupan barang kawalan bersubsidi di sempadan.

Turut dimaklumkan bahawa, pelanggaran syarat lesen serta Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peraturan 12A Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, boleh dikenakan denda bagi individu iaitu tidak melebihi satu (1) juta Ringgit Malaysia atau penjara tidak lebih tiga (3) tahun atau kedua-duanya. Bagi syarikat denda tidak melebihi dua (2) juta ringgit dan bagi kesalahan kedua, denda tidak melebihi lima (lima) juta ringgit.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR  
BIN MOHD DELI [ JEMPOL ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [ JEMPOL ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perancangan Malaysia apabila mengambil alih peranan sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN pada 2025 kelak bagi memastikan legasi Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN akan meninggalkan kesan positif untuk tahun mendatang baik di rantau Asia Tenggara dan di peringkat global.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Jempol** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 yang akan membuka satu lagi lembaran yang penting untuk negara kita. Ini kerana, sebagai Pengerusi, Malaysia akan memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju ASEAN bagi mengharungi cabaran-cabaran semasa dan di masa hadapan.

## SOALAN NO : 15

3. Kepengerusian pada tahun 2025 adalah signifikan buat Malaysia kerana ia menandakan sedekad penubuhan rasmi Komuniti ASEAN yang dilancarkan di Kuala Lumpur pada tahun 2015. Hasil daripada penubuhan Komuniti tersebut, ASEAN telah terus mengukuhkan peranannya sebagai wadah utama bagi Negara-negara Anggota dan Rakan-rakan Luarnya untuk berdialog dan bekerjasama bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau.

4. Hasil daripada pengukuhan Komuniti ASEAN tersebut, ASEAN terus berkembang pesat menjadi sebuah pertubuhan serantau yang dinamik dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran-cabaran serantau dan global. Selain itu, peningkatan demografi yang menggalakkan dan perkembangan teknologi dan industri yang pesat di rantau ini juga menyumbang kepada aspirasi untuk menjadikan ASEAN sebagai sebuah kuasa ekonomi yang berpengaruh menjelang tahun 2040.

5. Tahun 2025 juga bakal menyaksikan Visi Komuniti ASEAN 2045 serta Pelan-pelan Strategik yang merangkumi ketiga-tiga Tonggak Komuniti ASEAN dan Kesalinghubungan ASEAN, atau dengan izin, *ASEAN Connectivity* dilancarkan oleh para Pemimpin ASEAN. Visi Komuniti ini dijangka akan memperkukuh lagi agenda integrasi ASEAN ke arah menjadi sebuah Komuniti yang lebih aman, stabil, sejahtera serta memainkan peranan yang efektif di peringkat global untuk tempoh dua dekad akan datang.

6. Antara matlamat utama Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 adalah untuk memperlihatkan kepimpinan dan keupayaan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN yang akan memacu agenda Komuniti ASEAN demi kestabilan, keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan rantau ini serta rakyatnya. Seperti yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Peluncuran Khas Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 pada 26 Januari 2024, empat (4) bidang keutamaan yang akan diketengahkan sepanjang Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 ialah;

- (i) ASEAN yang berpaksikan rakyat;
- (ii) Keamanan, kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau;
- (iii) Integrasi ekonomi serantau; dan
- (iv) Pengukuhan peranan institusi ASEAN.

## SOALAN NO : 15

7. Dalam konteks ini, penekanan yang sewajarnya akan diberikan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui keadilan sosial dan ekonomi untuk kelestarian dan kesejahteraan jangka panjang dalam semua aspek kehidupan. Perkara ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan rakyat, serta aspirasi ASEAN dalam membentuk sebuah Komuniti yang berpaksikan rakyat, atau dengan izin, *people-centred Community*. Ini adalah selaras dengan prinsip dan aspirasi Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

8. Seperti yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, masa depan ASEAN adalah bergantung kepada pencapaian bersama Negara-negara Anggota ASEAN secara kolektif. Dalam hal ini, Malaysia akan berusaha untuk memimpin ASEAN dengan mempraktikkan nilai-nilai etika, seperti yang ditekankan dalam prinsip Malaysia MADANI, di mana ianya melibatkan pendekatan inklusif yang meraikan kepelbagaian. Selain itu, Malaysia akan terus mengetengahkan kepentingan dan kemuafakatan bersama antara Negara-negara Anggota dalam usaha membina kepercayaan strategik melalui dialog dan diplomasi yang lebih proaktif dan seterusnya meninggalkan kesan positif untuk tahun mendatang baik di rantau Asia Tenggara mahupun di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara komprehensif serangan siber yang telah berlaku kepada agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri Perlis dan apakah langkah untuk mengekang berulangnya serangan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB Dr. Zaliha binti Mustafa**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**  
**(Wilayah Persekutuan)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik daripada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) melalui Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara atau *National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4), sebanyak 1,633 insiden telah direkodkan dalam tahun 2023 dan 431 insiden direkodkan sehingga Mei 2024 yang melibatkan agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri.

## SOALAN NO : 16

2. Kerajaan Negeri Perlis telah mencatatkan 21 insiden pada tahun 2023 dan 4 insiden sehingga suku pertama tahun 2024.
3. Langkah-langkah untuk meminimalkan risiko serta mengekang berulangnya insiden keselamatan siber kepada agensi Kerajaan, NC4 selaku Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) Negara sentiasa membantu agensi Kerajaan dari segi pemakluman amaran ancaman siber supaya agensi Kerajaan dapat melaksanakan tindak balas dengan segera. Sebagai langkah kesiapsiagaan agensi Kerajaan, NC4 juga memberikan cadangan pelaksanaan amalan terbaik seperti (tidak terhad kepada) perkara-perkara berikut:
  - i. Memastikan persekitaran agensi dilengkapi dengan kawalan keselamatan termasuk perisian anti-virus yang sentiasa dikemas kini;
  - ii. Membangun dan melaksanakan Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan;
  - iii. Mengukuhkan pelaksanaan pengesahan (*authentication*) log masuk dengan penggunaan *Multi-Factor Authentication* (MFA); dan
  - iv. Menyemak semula pembahagian rangkaian (*network segmentation*) bagi mengawal jangkitan ancaman siber daripada merebak ke seluruh rangkaian agensi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK  
BEGRI [ BETONG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. RICHARD RAPU @ AMAN [ BETONG ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian melihat komitmen pelaburan terbaharu berjumlah AS\$2.2 Bilion yang diumumkan oleh Microsoft terhadap potensi digital Malaysia. Adakah terdapat rancangan khusus untuk memastikan peluang pekerjaan dan manfaat ekonomi yang dihasilkan melalui pelaburan ini dapat dirasai secara menyeluruh termasuk di Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan menyambut baik pengumuman pelaburan bernilai AS\$2.2 bilion oleh Microsoft di Malaysia yang mencerminkan keyakinan Microsoft terhadap potensi Malaysia sebagai destinasi pelaburan digital yang dinamik serta diiktiraf oleh pelbagai pihak di peringkat global.

Pelaburan Microsoft di Malaysia akan membawa impak yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi digital, pembangunan bakat, serta kemajuan teknologi tempatan. Antara manfaatnya secara menyeluruh adalah seperti berikut:

- (i) membina infrastruktur awan dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence* – AI) di Malaysia;
- (ii) mengukuhkan kerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan Pusat AI Negara dan meningkatkan keupayaan keselamatan siber negara;
- (iii) Microsoft komited untuk melatih lebih 300,000 rakyat Malaysia dalam kemahiran digital menjelang tahun 2025, menyokong sasaran negara untuk melahirkan sejuta bakat digital menjelang tahun 2030;
- (iv) mencipta peluang pekerjaan baharu yang berkemahiran tinggi dalam bidang seperti AI, pengkomputeran awan dan keselamatan siber; dan
- (v) menyokong pertumbuhan komuniti pencipta perisian Malaysia di mana pelaburan ini akan membantu lebih 200 syarikat tempatan mengintegrasikan AI ke dalam operasi mereka menjelang 2025 dalam meningkatkan kecekapan dan inovasi.

Selain itu, pelaburan ini akan dapat memberi kesan limpahan kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi, secara khususnya melalui kerancangan pasaran ekonomi dengan wujudnya peluang pekerjaan di

## SOALAN NO. 17

seluruh negara. Mengambil contoh negeri Sarawak, pewujudan bakat berkemahiran tinggi dalam sektor digital akan dapat menyumbang dalam penambahbaikan ekosistem data terbuka serta perkongsian data minyak dan gas melalui *Open API* serta penciptaan robotik baharu. Justeru, perkara ini dapat menyokong pendigitalan platform luar pesisir di mana juruteknik akan beroperasi dari darat untuk menyokong aktiviti luar pesisir, seterusnya mengurangkan jumlah kebergantungan jurutera di atas platform.

Kementerian Digital berharap agar pelaburan ini akan menjadi aspirasi dan penanda aras kepada industri lain bagi memacu inovasi, menggalakkan pembangunan bakat digital dan memacu perjalanan Malaysia ke arah menjadi hab digital global.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [ KUALA  
TERENGGANU ] minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
menyatakan:**

- (a) syarikat 'soonicorn' yang berpotensi menjadi syarikat 'unicorn' mengikut pecahan Bumiputera dan bukan Bumiputera serta langkah yang diambil untuk merencanakan ekosistem syarikat pemula tempatan; dan
- (b) hala tuju untuk jadikan Malaysia sebagai hub pemula dan digital serantau.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua**

1. Secara umumnya, syarikat 'soonicorn' adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan syarikat pemula yang mungkin menjadi 'unicorn' dalam masa terdekat dan mempunyai nilai syarikat yang masih di bawah USD 1 bilion.
2. Setakat ini MOSTI melalui cradle fund telah mengenalpasti beberapa syarikat yang berpotensi menjadi syarikat soonicorn. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22% daripada syarikat soonicorn adalah syarikat bumiputera yang meliputi bidang-bidang seperti perkhidmatan dron dan pasaran digital.
3. Manakala, VentureTECH yang mempunyai mandat pelaburan pelbagai peringkat dalam syarikat Bumiputera telah melabur di peringkat syarikat pemula (*startup*) yang berpotensi antaranya Aerodyne, Cell Tissue, Bayo Pay, Bateriku, TXMR dan juga SS Rover iaitu sebanyak 21% daripada jumlah keseluruhan pelaburannya; 79% daripadanya adalah di dalam kategori mezzanine.
4. Selain itu, ada beberapa lagi syarikat *startup* Bumiputera yang berpotensi di dalam *pipeline* pelaburan VentureTECH bagi tahun 2024 yang sedang menjalani proses penilaian pelaburan.
5. Bagi melonjakkan ekosistem *startup* negara dan mewujudkan syarikat-syarikat *startup* yang berdaya saing di peringkat antarabangsa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030 pada November 2021. SUPER menggariskan 16 intervensi merentasi 5 bidang utama iaitu pembiayaan, bakat, inovasi, dasar dan peraturan serta ekosistem pasaran yang menjadikannya pelan induk yang komprehensif untuk pembangunan ekosistem *startup* negara.

## SOALAN NO : 18

6. Selain itu, Strategi Tindakan MYStartup atau lebih dikenali sebagai MYStartup merangkumi aspek pembangunan kapasiti bagi usahawan-usahawan *startup* negara. Program pembangunan kapasiti yang dijalankan ini seiring dengan program pembiayaan berpotensi diterjemahkan kepada syarikat-syarikat *startup* yang mampu berkembang ke peringkat serantau dan seterusnya ke peringkat global.
7. Oleh itu, MOSTI akan terus menyokong pembangunan ekosistem *startup* Malaysia secara menyeluruh melalui program-program pembiayaan, pelaburan dan pembangunan kapasiti kepada syarikat-syarikat *startup* negara.
8. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat mengenai hala tuju untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pemula dan digital serantau pula, Malaysia akan memperkukuhkan ekosistem *startup* serantau melalui Inisiatif ASEAN Technology Startup. Malaysia akan memainkan peranan yang lebih penting sebagai pemacu hab *startup* dan digital serantau yang inovatif dan berdaya saing, sambil mempertingkatkan kerjasama serantau, menjelang kepengerusian ASEAN 2025.
9. Selain itu, sebuah platform serantau akan dibangunkan yang bakal menghubungkan syarikat *startup* dengan pelabur, sokongan program-program pembangunan kapasiti dan rakan kongsi strategik dari seluruh ASEAN dan menyokong program-program yang memupuk inovasi dan pembangunan teknologi di negara-negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik menunjukkan bahawa jumlah penonton dan perkongsian bahan-bahan lucah dan kandungan-kandungan ngeri daripada jaringan-jaringan gelap semakin meningkat di Malaysia. Apakah pelan Kementerian untuk membendung masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa komited melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap sebarang kandungan dalam talian yang dikenal pasti telah melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu larangan terhadap kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

Dari 1 Januari 2024 sehingga 1 Jun 2024, MCMC telah melaksanakan tindakan penurunan terhadap 308 kandungan media sosial bersifat lucah dan 109 kandungan bersifat mengancam dengan kerjasama penyedia platform seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram, Tik Tok dan lain-lain. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 549 laman sesawang bersifat lucah telah dikenakan tindakan sekatan. Tindakan penguatkuasaan ini adalah berdasarkan pemantauan proaktif dalam talian oleh MCMC serta aduan orang awam.

MCMC juga giat mengadakan program-program pendidikan dan kempen kesedaran di seluruh negara melalui inisiatif Klik dengan Bijak dan Sukarelawan ICT Malaysia kepada pengguna internet pelbagai golongan melibatkan kanak-kanak, belia, ibu bapa dan penjaga, pendidik, dan orang dewasa. Melalui usaha ini, pengguna didedahkan kepada etika penggunaan internet yang positif, produktif, dan bertanggungjawab serta undang-undang yang terpakai dalam alam siber.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD  
ISLAHUDDIN BIN ABAS (MERSING)**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [ MERSING ]**  
minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) perancangan untuk memperkasa Desa Bina Diri yang mengutamakan aspek penjagaan, perlindungan, dan pemulihan kepada pengemis dan orang papa tercapai; dan
- (b) status terkini pembinaan Kuarters Desa Bina Diri di Parlimen Mersing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Desa Bina Diri (DBD) merupakan institusi yang ditubuhkan bagi menjaga dan memulihkan orang papa di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183]. Orang papa atau pengemis yang ditempatkan di DBD akan menjalani perintah pemulihan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun bagi menjadikan mereka produktif dan mempunyai perubahan sikap untuk diintegrasikan kembali kepada masyarakat.

## SOALAN NO : 20

2. Selain dari aspek penjagaan yang merangkumi tempat tinggal dan makan minum, penghuni DBD juga diberikan penekanan dari aspek psikososial dan kemahiran. Antara aktiviti / program yang dilaksanakan di DBD untuk memperkasakan penghuni dari aspek penjagaan dan pemulihan adalah termasuk aktiviti keagamaan, aktiviti sukan, aktiviti kraf tangan dan program kemasyarakatan.

3. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi memperkasa DBD termasuklah:

- (i) Pengkhususan kes yang dikendalikan oleh Institusi-institusi DBD; dan
- (ii) Membangunkan Modul Pemulihan bagi penghuni yang boleh mengurus diri. Melalui modul ini, JKM akan merancang dan melaksanakan setiap program dan aktiviti mempunyai objektif yang jelas agar mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Modul ini juga akan menerangkan perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pelaporan yang akan dibuat bagi aktiviti yang dijalankan secara harian, bulanan dan tahunan di DBD.

4. Sementara itu, sehingga 17 Mei 2024, kemajuan terkini pembinaan projek Kwarters DBD Mersing adalah sebanyak 27%, lewat berbanding seperti yang dijadualkan. Kelewatan projek ini disebabkan oleh isu integriti tetopi cerucuk pada kedua-dua blok kuarters dan kelemahan pengurusan pihak kontraktor. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengkaji pemasalahan ini dengan lebih mendalam bagi mengatasi isu kelewatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS  
[ KOTA BELUD ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [ KOTA BELUD ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada peruntukan berjumlah kira-kira 3.51 bilion ringgit bagi pembinaan baru, pembaikan dan naik taraf infrastruktur asas di Sabah bagi Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-12:

- (a) berapa daripada jumlah tersebut merupakan projek sambungan dan projek baharu; dan
- (b) daripada projek baharu tersebut, berapa projek (dengan nilai) yang telah dimulakan.



**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan peruntukan berjumlah RM3.52 bilion bagi pembinaan baru, pembaikan dan naik taraf infrastruktur asas di Sabah di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMKe-12:

(a) Jumlah projek sambungan dan projek baharu adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b>   | <b>Jenis Projek</b> | <b>Jumlah Projek</b> |
|---------------|---------------------|----------------------|
| 1.            | Projek Baharu       | 64                   |
| 2.            | Projek Sambungan    | 254                  |
| <b>Jumlah</b> |                     | <b>318</b>           |

*Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 10 Jun 2024.*

(b) Daripada 64 bilangan projek baharu tersebut, sebanyak 62 projek dengan kos bernilai RM127,756,500 telah dimulakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN  
[ PADANG RENGAS ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian dalam pembangunan industri angkasa termasuk menyediakan kerangka kawal selia industri angkasa negara yang komprehensif termasuk penambahbaikan RUU Lembaga Angkasa Malaysia.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030), Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berusaha menggalakkan penglibatan industri tempatan dalam pembangunan sektor angkasa yang berterusan bagi menyumbang kepada penjanaaan sumber ekonomi baharu negara.
2. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan bagi memperkasa industri angkasa tempatan sejak tahun 2023 adalah seperti berikut:
  - i. Pembangunan **Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030 (*Malaysia Space Exploration 2030 - MSE2030*)** untuk membangunkan sektor angkasa negara sebagai satu sumber ekonomi baharu negara.
  - ii. Pembangunan **Pelan Strategik Industri Angkasa 2030 (SISP2030)** bagi memacu pembangunan industri angkasa negara secara lebih terancang supaya lebih kompetitif dan berdaya saing.
  - iii. Pelaksanaan **Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN)** melalui kaedah *Public-Private Partnership* (PPP) bagi membuka potensi baharu kepada pemain industri tempatan untuk menceburi bidang pembuatan, pelancaran dan penyediaan perkhidmatan satelit kepada negara dan pasaran global.
  - iv. **Penganjuran forum angkasa di peringkat antarabangsa** bagi pembangunan kepakaran, pengukuhan industri angkasa dan perluasan jaringan kerjasama antarabangsa bagi memacu pertumbuhan industri angkasa.
  - v. Pelaksanaan inisiatif **pembangunan kemudahan pelancaran angkasa lepas** melalui penyediaan Garis

Panduan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Kemudahan Pelancar di Malaysia.

- vi. **Peningkatan dan pengukuhan jaringan dan hubungan kerjasama antarabangsa** dengan pelbagai agensi kecemerlangan di negara-negara maju dalam teknologi angkasa (*space-faring nation*) melalui platform bilateral, multilateral dan Memorandum Persefahaman (MoU) serta penganjuran program *trade forum* dan *business matching*.

**Tuan Yang di-Pertua,**

3. Komitmen Kerajaan untuk mengukuhkan tadbir urus dan kawal selia aktiviti angkasa di Malaysia dapat dilihat melalui Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] yang telah diwartakan pada 25 Januari 2022. Lembaga Angkasa Malaysia ini juga bertanggungjawab dalam menasihati Kerajaan Malaysia mengenai perkara-perkara berhubung dengan pelaksanaan aktiviti tertentu berkaitan angkasa, mempertimbang dan meluluskan semua permohonan lesen, permit pelancaran dan perakuan pelancaran yang diterima serta mengeluarkan garis panduan dan arahan bersesuaian di bawah Akta ini.
4. Dalam mendepani pelbagai isu berkaitan aktiviti angkasa termasuk insiden berkaitan kemasukan serpihan objek angkasa atau *space debris*, MOSTI dengan kerjasama semua agensi dan kementerian yang terlibat telah membangunkan satu garis panduan iaitu **Proses Kerja Siasatan Penemuan Objek Disyaki Objek Angkasa**. Ini merupakan satu contoh bagaimana Kerajaan sentiasa menambahbaik dan mengukuhkan kawal selia aktiviti angkasa di peringkat domestik.
5. Selain itu, kewujudan Akta 834 bukan sahaja berupaya memperkukuhkan perundangan angkasa domestik tetapi juga membolehkan Negara memainkan peranan dalam usaha dan inisiatif yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa khususnya di bawah *United Nations Office fo Outer Space Affairs* (UNOOSA)

## SOALAN NO: 22

dalam mengawal selia aktiviti angkasa global. Penglibatan aktif negara dalam mesyuarat *Committee on the Peaceful Uses of Outer Space* (COPUOS) dan *sub-committee* di bawahnya menunjukkan komitmen dan usaha negara untuk membangunkan ekosistem sektor angkasa negara yang mampan. Sebagai negara membangun dalam bidang angkasa (*space faring nation*), Kerajaan melalui Kementerian ini sedang berusaha untuk menyertai triti angkasa antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

6. Melalui pewartaan dan penguatkuasaan penuh Akta 834 ini juga akan dapat menyumbang dalam meningkatkan keyakinan pelabur serta pemain industri dalam dan luar negara untuk terlibat dalam aktiviti angkasa negara secara berskala besar. Hal ini seterusnya membuka ruang kepada kerajaan untuk merangka polisi dan insentif baru bagi menggalakkan pertumbuhan sumber ekonomi baru berasaskan angkasa atau *new space economy*, dengan izin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan memberikan garis masa penyelesaian semakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan skop dan penggunaannya melindungi kebebasan bersuara dan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat kelulusan Kabinet dan Jabatan Peguam Negara dengan sewajarnya. Dalam hal ini, cadangan pindaan kepada Akta 588 telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui sesi libat urus yang telah diadakan.

Sesi libat urus yang terkini berhubung cadangan pindaan kepada Akta 588 telah diadakan pada 30 Oktober 2023, 1 dan 3 November 2023 yang melibatkan pihak berkepentingan dan pemegang taruh dalam kalangan pemain industri, kementerian, agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, badan bukan kerajaan dan pertubuhan masyarakat madani.

Maklum balas dan cadangan yang diterima hasil daripada sesi libat urus yang diadakan tersebut telah dipertimbangkan dengan sewajarnya dalam memuktamadkan cadangan pindaan Akta 588. Cadangan pindaan ke atas Akta 588 secara umumnya diterima baik oleh pihak berkepentingan dan pemegang taruh.

Berhubung hak kebebasan bersuara yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Artikel 10(2) Perlembagaan Persekutuan membenarkan Parlimen, melalui undang-undang, mengenakan apa-apa sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat, antara lain, demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral.

Demi mendukung prinsip demokrasi, setiap rakyat bebas untuk menyatakan pendapat dan kritikan, namun ia mempunyai had tertentu selagi mana tidak melanggar undang-undang sedia ada. Dalam hal ini Akta 588 tidak pernah menghadkan seperti yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan selagi mana penggunaan media elektronik tersebut tidak melanggar peruntukan perundangan, khususnya di bawah peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233 Akta 588.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk membuat pindaan terhadap *Preclusion Clause* (Klausu Pengecualian) di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan Senarai Negeri bagi mempertahankan bidang kuasa negeri untuk menggubal Undang-Undang Syariah.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan supaya pindaan dibuat kepada *Preclusion Clause* (Klausu Pengecualian) dalam butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bagi mempertahankan bidang kuasa negeri untuk menggubal undang-undang Syariah.



## NO. SOALAN : 24

2. Dalam hal ini, apa-apa cadangan berhubung dengan perkara ini tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru. Kajian yang mendalam dan komprehensif berhubung dengan perkara tersebut hendaklah dibuat bagi memastikan apa-apa keputusan yang dibuat adalah tepat, selaras dengan Hukum Syarak, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa dan boleh dipertahankan sekiranya ia dicabar di mahkamah kelak.
3. Dalam hal ini, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam akan mengkaji dan memperhalusi perkara ini.
4. Saya percaya kajian yang sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas ini dapat membantu untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan harmoni bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berhubung dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
5. Apa-apa syor, pandangan dan cadangan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas ini termasuklah pindaan kepada apa-apa undang-undang mahupun Perlembagaan Persekutuan akan diperhalusi dengan teliti bagi memastikan penyelesaian yang terbaik dapat diangkat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis Raja-Raja kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada urusan persempadanan semula kawasan Parlimen di Sarawak akan dibuat dalam masa terdekat dan nyatakan faktor-faktor yang menjadi garis panduan dalam urusan persempadanan semula kawasan Parlimen mahupun kawasan Dewan Undangan Negeri.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. SPR bertanggungjawab melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan serta menurut prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan sebagaimana Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.
2. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak telah berakhir pada tahun 2023 dan SPR sedang mempertimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.
3. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:
  - i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
  - ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
  - iii. Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [KUALA KRAI]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Senarai Negeri dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan bagi mengelakkan kes cabaran peruntukan undang-undang negeri bagi menjaga kemaslahatan umum orang Islam.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat cadangan supaya pindaan dibuat kepada butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bagi mengelakkan kes cabaran terhadap peruntukan undang-undang di negeri-negeri bagi menjaga kemaslahatan umum orang Islam.
2. Dalam hal ini, apa-apa cadangan berhubung dengan perkara ini tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru. Kajian yang mendalam dan komprehensif berhubung dengan perkara tersebut hendaklah dibuat

## NO. SOALAN : 26

bagi memastikan apa-apa keputusan yang dibuat adalah tepat, selaras dengan Hukum Syarak, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa dan boleh dipertahankan sekiranya ia dicabar di mahkamah kelak.

3. Dalam hal ini, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam akan mengkaji dan memperhalusi perkara ini.
4. Saya percaya kajian yang sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas ini dapat membantu untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan harmoni bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berhubung dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
5. Apa-apa syor, pandangan dan cadangan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas ini termasuklah pindaan kepada apa-apa undang-undang mahupun Perlembagaan Persekutuan akan diperhalusi dengan teliti bagi memastikan penyelesaian yang terbaik dapat diangkat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis Raja-Raja kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dana yang diperuntukkan untuk Malaysian Indian Transformation (MITRA) akan dinaikkan dalam belanjawan tahun ini daripada RM100 juta ke RM300 juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, perancangan program yang akan dilaksanakan oleh MITRA sehingga Jun 2024 adalah sebanyak empat program dengan anggaran kos sebanyak RM40 juta yang menyasarkan seramai 15,300 orang. Penyelarasan bagi program-program tersebut sedang dalam tindakan dan akan dilancarkan dalam masa terdekat.
2. Selain itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga melaksanakan beberapa inisiatif yang memanfaatkan dan menggalakkan pembangunan ekonomi masyarakat India. Antaranya adalah melalui:
  - i. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) dan SPUMI Goes Big Brief-i Bank Rakyat sebanyak RM50 juta; dan
  - ii. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga memperuntukkan RM71.4 juta yang akan disalurkan melalui Program Khas iaitu P.E.N.N (*Prosperity, Empowerment and A New Normal*) yang bertujuan untuk memperkasakan usahawan wanita India.
3. Justeru, pembangunan sosioekonomi masyarakat India adalah tanggungjawab Kerajaan secara kolektif dan semua pihak baik Kementerian atau agensi-agensi pusat perlu berganding bahu dalam usaha murni pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB**  
**AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Stesen KTM Alor Setar supaya dapat menampung permintaan yang tinggi daripada pengguna serta memberi keselesaan dan kemudahan yang sepatutnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sentiasa komited dan bekerjasama dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) selaku operator dalam mengenal pasti keutamaan serta keperluan bagi menaik taraf kemudahan di semua stesen-stesen kereta api termasuk Stesen Keretapi Alor Setar demi keselesaan pengguna.
2. Berdasarkan maklum balas pengguna, RAC sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan membina 41 petak tambahan bagi tempat letak motosikal berbumbung di stesen kereta api tersebut bagi menampung peningkatan pengguna. Kerja-kerja naik taraf kemudahan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada suku ketiga 2024.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING  
[BEAUFORT]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan Kawasan Parlimen Beaufort terutama di kawasan berbukit dan pedalaman dapat menikmati kemudahan akses internet. Adakah teknologi *Free Space Optical Communication* dapat dipraktikkan di kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 30 April 2024, inisiatif yang telah dijalankan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Parlimen Beaufort adalah termasuk 19 menara komunikasi baharu yang telah siap dibina daripada 25 yang dirancang. Kesemua 88 buah menara juga telah siap dinaik taraf dan 3,801 premis daripada 5,838 yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025.

Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (KSTI) kini sedang giat melaksanakan inisiatif Projek Internet Komuniti Luar Bandar dengan pemasangan sebanyak 300 peranti *Starlink* di beberapa kawasan luar bandar dan terpencil di Sabah. Kesemua 300 peranti *Starlink* ini telah pun siap dipasang dan beroperasi sepenuhnya yang mana 23 lokasi tapak pemasangan peranti Starlink tersebut dipasang di Parlimen Beaufort. Pelaksanaan projek ini mampu meluaskan liputan ke kawasan luar bandar dan terpencil di negeri Sabah.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa berkerjasama dengan pemegang taruh di peringkat negeri seperti KSTI, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Jabatan Tanah dan Ukur (JTU), Jabatan Perhutanan, Jabatan Kerja Raya Sabah, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenal pasti dan menangani keperluan spesifik bagi setiap kawasan, termasuk kawasan yang mencabar seperti kawasan berbukit dan pedalaman. Kerjasama ini antaranya dijalankan melalui mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD).

Untuk makluman, *Free Space Optical Communication* (FSO) merupakan teknologi komunikasi yang memerlukan *Line of Sight* (LOS) antara titik penghantar dan penerima. Berbanding dengan kaedah tradisional yang memerlukan pemasangan kabel, FSO boleh dipasang dengan lebih cepat, yang menjadikannya ideal untuk menyediakan akses internet dalam masa yang singkat. Antara contoh pelaksanaan FSO yang

## SOALAN NO: 29

sedang dilaksanakan di negeri Sabah adalah projek *Point of Presence* (PoP) Fasa 1 daripada Telekom Malaysia (TM) yang menghubungkan titik penghantar dan penerima dari pekan Semporna ke Pulau Bum Bum.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pada penggunaan teknologi FSO. Antaranya adalah kualiti liputan FSO mudah terkesan dengan halangan faktor persekitaran seperti kabus, hujan, awan tebal, bangunan tinggi, pokok dan sebagainya yang mana boleh memberi kesan gangguan kualiti dan capaian internet. Bagi Parlimen Beaufort, pelaksanaan teknologi FSO di kawasan berbukit dan pedalaman perlu diperhalusi dan dikaji terlebih dahulu sebelum dapat dilaksanakan.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah Point of Presence (PoP) hab gentian optik. Sehingga 13 Jun 2024, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 636 PoP bagi Fasa 2 masih dalam pembinaan di negeri Sabah dan menjadikan 7,899 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, bagi Parlimen Beaufort, 5 PoP telah selesai dibina bagi Fasa 1 manakala 30 PoP dijadualkan siap pada tahun 2025. Ini menjadikan 584 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Beaufort.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**  
[ **BELURAN** ]  
**TARIKH** : **24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan tuntutan 40% negeri Sabah seperti yang termaktub dalam Perkara 112c serta Bahagian IV dan V Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, nyatakan juga sejauh mana Kerajaan Persekutuan membezakan tuntutan 40% ini dengan obligasi persekutuan kepada negeri-negeri di bawah Perkara 109.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat kerana tidak menepati Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang menggelengcongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam timbangan mahkamah (*sub judice*). Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) jumlah pelancong asing yang melawat Malaysia dan jumlah pendapatan yang dijana (international tourism receipts) pada tahun 2022, 2023 dan 2024 (setakat sekarang) dan perbandingan dengan negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong dan perbelanjaan setiap orang

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Malaysia telah merekodkan jumlah kemasukan pelancong asing seramai 7,560,642 (Tujuh Juta Lima Ratus Enam Puluh Ribu Enam Ratus Empat Puluh Dua) orang dari Januari hingga April 2024 iaitu peningkatan sebanyak 27.5% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2023. Manakala sebanyak 20,141,846 (Dua Puluh Juta Satu Ratus Empat Puluh Satu Lapan Ratus Empat Puluh Enam) orang pada tahun 2023 dan 10,070,964 (Sepuluh Juta Tujuh Puluh Ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Empat) orang pada tahun 2022.

2. Untuk tempoh Januari hingga April, Thailand merupakan negara ASEAN yang mencatatkan ketibaan pelancong asing tertinggi iaitu seramai 12,127,447 diikuti dengan Malaysia seramai 7,560,642, Vietnam seramai 6,199,331, Singapura seramai 5,709,110 dan Indonesia seramai 4,098,714 orang pelancong.

3. Pada suku pertama 2024 jumlah pendapatan pelancong yang dijana adalah sebanyak RM22.23 bilion iaitu peningkatan sebanyak 66% berbanding suku tahun pertama 2023. Pada tahun 2023 pendapatan pelancong adalah sebanyak RM71.31 bilion dan RM28.23 bilion pada tahun 2022.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. MOTAC melalui Tourism Malaysia memperhebatkan usaha promosi industri pelancongan negara dengan menekankan aspek melancong dengan selamat serta mengenengahkan *experiential tourism* bagi memberi keyakinan kepada pelancong untuk bercuti dan melancong ke Malaysia.

5. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:

- (i) penyertaan dalam pameran-pameran pelancongan antarabangsa;
- (ii) mengadakan promosi pelancongan yang merangkumi roadshow di pasaran sasaran seperti Australia, China, Eropah, India, Jepun, Korea, Negara-Negara Teluk dan Nordic;
- (iii) melaksanakan promosi pelancongan melalui saluran digital seperti promosi melalui media sosial untuk terus meletakkan visibiliti Malaysia di mata pelancong dan ejen pelancongan dipasaran-pasaran sasaran;
- (iv) mempromosi produk pelancongan mengikut segmentasi pelancong dan permintaan pasaran tertentu bagi memenuhi dan menepati kehendak mereka seperti pelancongan minat khas;
- (v) meningkatkan kemudahsampaian melalui penambahan kekerapan penerbangan dan jumlah tempat duduk;
- (vi) mengadakan perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempermudah kemasukan pelancong asing seperti visa on arrival (VOA), multiple entry visa, eVisa dan transit visa; dan
- (vii) menarik minat pasaran pelancong Muslim ke Malaysia, sebuah pasaran yang semakin berkembang di seluruh dunia dengan menggerakkan lebih ramai lagi penggiat industri pelancongan untuk mendapatkan pengiktirafan mesra-Muslim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pemberian Pingat Jasa Malaysia (PJM) serta tuntutan elaun khas bulanan kepada veteran tentera yang telah berjuang menjaga kedaulatan negara semasa darurat menentang penganas komunis (veteran tentera yang berkhidmat sebelum 2 Disember 1989).



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pingat Jasa Malaysia (PJM) merupakan satu *Campaign Medal* yang dianugerahkan kepada veteran ATM yang telah berkhidmat dalam ATM semasa operasi menentang pengganas komunis atau dikenali sebagai Perkhidmatan Semasa Darurat Kedua (1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989) bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM) atau hingga 17 Oktober 1990 bagi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).

Sehingga Mei 2024, jumlah keseluruhan veteran yang telah menerima PJM adalah seramai 42,557 orang dan masih berbaki sebanyak 79,239 orang yang masih belum menerimanya. Pihak Kementerian sentiasa komited, malah sedang melipatgandakan usaha dalam menyampaikan PJM kepada baki veteran ATM yang layak tersebut.

Mengenai elaun PJM, secara dasarnya dan sebagaimana termaktub dalam Warta Kerajaan, pengurniaan PJM ini tidak memperuntukan pemberian sebarang elaun. Namun, Kerajaan telah berbesar hati untuk memberi bayaran *one-off* RM500 kepada 121,816 penerima termasuk balu/duda sebagai saguehati pada tahun 2020 dan 2021 dengan implikasi kewangan sebanyak RM66 juta. Dalam masa yang sama, Kementerian sentiasa komited dalam membantu komuniti veteran ATM dalam aspek kebajikan dan peningkatan sosioekonomi, terutamanya kepada penerima-penerima pingat PJM ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-LIMA BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia atau mempunyai perancangan untuk melaksanakan kemudahan pengangkutan awam seperti van mini di kawasan pedalaman luar bandar terutamanya di kawasan Julau, Sarawak.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Berhormat, pada masa sekarang tiada sebarang lesen Van Mini dikeluarkan oleh Lembaga pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak. Bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat, Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif *Demand Responsive Transit* (DRT) atau *Bus On Demand* (BOD) secara *Proof of Concept* (POC) di mana pengguna perkhidmatan kenderaan awam boleh menggunakan perkhidmatan atau inisiatif ini bagi menangani masalah *first mile* dan *last mile* termasuk di luar bandar.
2. Perkhidmatan BOD merupakan tempahan perkhidmatan bas atau van melalui aplikasi yang dijalankan tanpa jadual dan laluan yang tetap serta beroperasi di dalam zon yang diluluskan. Objektif POC ini adalah untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan, menilai impak kepada perkhidmatan sedia ada (seperti bas berhenti-henti dan teksi) dan mengumpul maklumat tahap penggunaan perkhidmatan BOD dalam kalangan orang awam.
3. Inisiatif POC ini turut diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan untuk menghadapi fenomena penuaan yang mendadak di negara kita. Apakah dasar atau pembaharuan yang dicadangkan untuk menangani masalah ini terutamanya berkaitan dengan persaraan dan keselamatan sosial.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menjelang tahun 2030, Malaysia bakal menuju ke arah negara tua dengan jangkakan 14 peratus daripada penduduk Malaysia adalah berusia 60 tahun dan ke atas. Situasi ini berpotensi meletakkan sebahagian rakyat terutamanya golongan tua kepada risiko seperti isu kemiskinan, masalah kesihatan dan perubatan, kekurangan simpanan persaraan serta penurunan produktiviti tenaga buruh yang seterusnya boleh menimbulkan implikasi kritikal terhadap prospek fiskal negara.
2. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) sedang membuat kajian mengenai pencen sosial kepada warga emas dan pengukuhan fungsi institusi insurans sosial di Malaysia iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bagi strategi pengukuhan program insurans sosial sebagai persediaan negara menghadapi risiko negara tua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Tabung Haji mempunyai perancangan untuk mengemaskini tahun untuk menunaikan haji bagi setiap warganegara yang berdaftar yang layak menunaikan haji melalui aplikasi THiJARI memandangkan tahun kelayakan untuk menunaikan haji terkini sudah melebihi tahun 2100.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pendeposit Tabung Haji tanpa mengira peringkat umur, boleh membuat pendaftaran haji dan akan dipilih untuk menunaikan fardhu haji apabila tiba giliran tahun yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan prinsip yang mendaftar dahulu akan didahulukan.
2. Sistem pendaftaran terbuka ini telah diterima pakai oleh umum sejak tahun 1995 lagi. Semua pendeposit yang telah mendaftar haji boleh mendapat maklumat tahun jangkaan giliran mereka untuk menunaikan haji melalui aplikasi digital THiJARI.
3. Pada setiap tahun kuota rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada kuota rasmi yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi berdasarkan keputusan Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam Sedunia (OIC) pada tahun 1988 di Amman Jordan yang menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara Islam.
4. Justeru, kuota rasmi negara pada musim haji 1445H/2024M adalah seramai 31,600 orang jemaah. Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membuat permohonan kepada Kerajaan Arab Saudi untuk meningkatkan jumlah tersebut berdasarkan perangkaan penduduk terkini negara.
5. Disamping itu, Kerajaan turut memohon kuota tambahan setiap tahun, namun permohonan kajian semula kuota tahunan dan pemberian kuota tambahan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Arab Saudi.
6. Pada masa yang sama Kerajaan Arab Saudi juga sedang merancang untuk meningkatkan jumlah jemaah haji kepada lima (5) juta orang menjelang tahun 2030 berbanding dua (2) juta orang untuk masa sekarang.

7. Peningkatan jumlah jemaah haji negara dijangka akan memberi kesan positif kepada tempoh giliran. Disamping itu juga, **TH** mengambil pendekatan untuk mengemaskini sistem giliran secara berkala sebagai usaha penambahbaikan berterusan.
8. Pelaksanaan Rukun Islam yang kelima iaitu Haji adalah ibadat yang hanya wajib kepada yang mampu, iaitu syarat Istito'ah. Tabung Haji sentiasa menjelaskan konsep istito'ah iaitu kemampuan mengerjakan haji daripada segi kewangan, kesihatan, keselamatan dan kebenaran pihak berkuasa yakni termasuk dalam giliran kuota rasmi.
9. Tabung Haji juga telah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat melalui media, media sosial dan sesi libat urus tentang kepentingan konsep kemampuan atau istito'ah.
10. Namun begitu, jemaah yang berada diluar giliran tahun semasa juga boleh membuat rayuan setiap tahun bagi menunaikan ibadat haji lebih awal. Untuk makluman, setiap tahun lebih kurang 80,000 jemaah akan membuat rayuan dan mereka juga sanggup membuat bayaran penuh tanpa mengambil Bantuan Kewangan Haji.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif-inisiatif digital yang telah dilaksanakan di peringkat Kementerian dan berapa peratusan kejayaan dalam pelaksanaan ini.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah memfokuskan tiga (3) inisiatif pendigitalan utama demi memangkin penyampaian perkhidmatan pengangkutan yang memberi impak dan manfaat maksimum kepada rakyat serta meningkatkan daya saing negara.

2. Inisiatif pendigitalan pertama iaitu *Malaysia Maritime Single Window* (MMSW) telah dibangunkan sebagai sebuah infrastruktur digital tetingkap tunggal (*single window*) bagi tujuan fasilitasi pengangkutan dan perdagangan negara. Pembangunan MMSW adalah selaras dengan obligasi Malaysia sebagai anggota International Maritime Organization (IMO) di mana negara anggota mempunyai obligasi mandatori menerusi peratifikasian di bawah Facilitation of International Maritime Traffic Convention 1965 (FAL Convention 1965), untuk membangunkan Tetingkap Tunggal Maritim (*Maritime Single Window*) bagi membolehkan pertukaran maklumat di antara kapal dengan fasiliti pelabuhan (*ship-shore interface information*) dibuat secara transaksi elektronik dalam memudah cara urusan perdagangan dan pengangkutan maritim.

3. Sistem MMSW adalah berlandaskan pendekatan keseluruhan negara atau '*whole of nation*' yang membolehkan komuniti perdagangan dan pengangkutan berintegrasi dengan *Other Government Agencies* (OGA) dan *Permit Issuing Agencies* (PIA) untuk urusan aktiviti perkapalan, maritim dan perdagangan di sektor pelabuhan negara melalui satu portal sehenti (*one stop centre*) secara bersepadu.

4. Pembangunan MMSW dapat membantu sektor perkapalan dan pelabuhan meningkatkan produktiviti dan kecekapan, menjimatkan kos serta mengurangkan tempoh masa keberadaan kapal di pelabuhan negara memandangkan kesemua proses melibatkan *ship to shore transactions* akan dilaksanakan secara elektronik.

5. Pelaksanaan MMSW dibangunkan secara berfasa. Fasa Pertama melibatkan modul *Ship Clearance System* (SCS) telah berjaya dilaksanakan secara *go live* di Pelabuhan Kelang pada 21 Jun 2024. SCS dijadualkan beroperasi di semua pelabuhan-pelabuhan negara sebelum 31 Ogos 2024.

Ahli Yang Berhormat,

6. Inisiatif pendigitalan kedua adalah Urusniaga Tanpa Tunai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Melalui tema “Jom Bayar Tanpa Tunai”, JPJ telah melancarkan kempen transaksi tanpa tunai sebagai pemangkin kepada usaha memperkasa perkhidmatan Kerajaan Madani yang lebih cekap dan berintegriti.

7. Melalui inisiatif ini, penggunaan pembayaran tanpa tunai di saluran terimaan JPJ oleh orang awam disasarkan dapat ditingkatkan kepada 80% pada hujung tahun 2025. Antara perkhidmatan tanpa tunai yang diperkenalkan adalah membabitkan urusan pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM), pembayaran saman, memperbaharui cukai jalan kenderaan perdagangan, lesen vokasional (PSV/GDL) dan tukar hak milik. Sehingga 31 Mei 2024, sebanyak 75.67% atau 16,698,900 transaksi tanpa tunai telah dilaksanakan di peringkat kutipan kaunter dan kiosk JPJ.

8. Bermula 1 Jun 2024, orang awam telah boleh memperbaharui Lesen Memandu Malaysia (LMM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) secara digital melalui transaksi e-LMM dan e-LKM di bawah aplikasi MyJPJ dengan mod pembayaran melalui FPX atau *Financial Process Exchange*. Pembaharuan e-LMM & e-LKM melalui aplikasi MyJPJ dapat memberi manfaat yang besar kepada rakyat memandangkan dapat menjimatkan masa serta kos pengangkutan, tol dan parkir. Mekanisme ini turut dapat mengurangkan kesesakan urus niaga secara fizikal di kaunter-kaunter JPJ.

Ahli Yang Berhormat,

9. Dalam merealisasikan agenda pendigitalan negara, MOT telah membangunkan inisiatif pendigitalan yang ketiga iaitu Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan atau lebih dikenali sebagai iSPKP. Sistem iSPKP merupakan gerbang utama untuk melaksanakan transaksi berkaitan pengurusan kenderaan pengangkutan awam darat di Malaysia. Pembangunan sistem ini bertujuan untuk memudahkan urusan pengendali/ pelesen bagi perkhidmatan awam darat/ kenderaan perdagangan berurusan dengan tiga (3) agensi utama iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak.

10. Sistem iSPKP merupakan pelesenan yang bersepadu dan menyeluruh yang merangkumi semua fungsi pelesenan APAD dan LPKP yang boleh dicapai secara atas talian bagi menjana lesen/ permit bagi kenderaan perdagangan mengikut piagam pelanggan dan tertakluk kepada akta yang ditetapkan.

11. Pelaksanaan iSPKP Fasa 1 merangkumi permohonan baru, membaharui, ubah syarat, membatalkan serta mencetak permit sudah mula beroperasi pada bulan Januari 2024. Manakala iSPKP Fasa 2 telah mencapai kemajuan pembangunan sebanyak 91.82%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD [ POKOK  
SENA ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kajian kebolehlaksanaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di bawah NASP serta sejauh mana rancangan pembinaan hub transshipment antarabangsa kargo di KXP telah dikemaskini dalam kajian NASP tersebut.

**JAWAPAN**

1. Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pengangkutan telah mengadakan mesyuarat bersama Kerajaan Negeri Kedah pada 1 April 2024 lalu, antara lain bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung projek ini khususnya berkenaan pelan perancangan terkini, model perniagaan (*business model*), cadangan operator lapangan terbang serta unjuran pengendalian kargo.

2. Hasil daripada mesyuarat ini, Kerajaan Negeri antara lain telah memaklumkan bahawa berdasarkan perancangan terkini, pembinaan KXP akan hanya memfokuskan kepada pengendalian kargo sahaja dan bukan lagi ke atas penumpang, seperti mana yang dicadangkan sebelum ini.

3. Selaras dengan perkembangan terbaharu ini, maka mesyuarat bersetuju supaya Kerajaan Negeri Kedah bersama syarikat pemaju iaitu KXP Airportcity mengemukakan permohonan penubuhan aerodrom (lapangan terbang) kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi tujuan penilaian teknikal dan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN  
[JERANTUT ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dikenakan kepada portal HarapanDaily yang mengeluarkan berita yang salah yang bertajuk "Sultan Pahang beri amaran terhadap amalan bawaan PAS", yang secara langsung memfitnah Sultan Pahang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sama sekali tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengugat keselamatan dan kesejahteraan negara dengan menyebarkan kandungan-kandungan dalam talian, khususnya kandungan yang menyentuh isu kaum, agama, royalti (3R).

Dalam hal ini, MCMC bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) memainkan peranan penting dalam usaha untuk membendung sebarang kandungan yang menyentuh 3R. Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya terdapat kandungan yang menyalahi undang-undang dengan menjalankan siasatan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia [Akta 588]. Manakala, pihak PDRM mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kandungan 3R dengan membuka kertas siasatan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan Akta Fitnah 1957 [Akta 286].

Untuk makluman, berhubung laporan di portal HarapanDaily yang bertajuk "Sultan Pahang beri amaran terhadap amalan bawaan PAS", MCMC tidak menerima apa-apa aduan atau laporan rasmi berkenaan perkara tersebut untuk diambil tindakan. Berdasarkan pemerhatian MCMC, pihak HarapanDaily telah membuat permohonan maaf serta pemadaman kandungan daripada portal tersebut pada 31 Mac 2024.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perbelanjaan dana MITRA bagi tahun 2023. Setakat ini, berapa dana MITRA yang telah dibelanjakan bagi tahun ini dan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi masyarakat India yang berimpak tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India tahun 2023 sebanyak RM100 juta telah dibelanjakan sepenuhnya untuk melaksanakan program-program sosioekonomi khususnya kepada golongan India B40.
2. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan kepada 216 program yang mensasarkan kepada 134,247 orang peserta seperti perincian skop yang berikut:
  - i. Bagi skop Program Pembangunan Modal Insan Masyarakat India, sebanyak 43 program dengan kos sebanyak RM35,278,580.46 yang disasarkan kepada 21,321 peserta;
  - ii. Bagi skop Program Pembangunan Keusahawanan dan Kerjaya Masyarakat India pula, sebanyak 113 program dengan kos sebanyak RM35,034,811.90 yang disasarkan kepada 83,883 peserta; dan
  - iii. Skop Program Pembangunan Sosial dan Kebajikan, Kerohanian dan Kesejahteraan Masyarakat India, sebanyak 60 program dengan kos sebanyak RM29,686,607.64 yang disasarkan kepada 29,043 peserta.
3. Untuk program 2024, sehingga Jun, MITRA telah merancang sebanyak empat program dengan anggaran kos sebanyak RM40 juta yang akan mensasarkan seramai 15,300 orang. Program-program tersebut dalam tindakan mendapatkan kelulusan dan seterusnya untuk dilancarkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan tegas yang telah dilakukan Kementerian dalam menangani lambakan judi *online* yang begitu mudah diakses pada waktu ini oleh orang ramai daripada pelbagai peringkat umur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan perjudian dalam talian adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah peruntukan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289]. Namun begitu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] sentiasa komited untuk menegakkan undang-undang dengan memberikan bantuan teknikal kepada pihak berkuasa yang berkaitan dari segi penurunan kandungan media sosial dan sekatan laman sesawang serta pembekalan maklumat dan analisis forensik digital untuk mempercepatkan proses siasatan.

Tindakan penurunan kandungan media sosial dan sekatan laman sesawang dilakukan terhadap kandungan yang melanggar undang-undang berdasarkan permohonan rasmi agensi penguatkuasaan serta maklumat dan aduan yang diterima oleh MCMC. Namun keputusan menurunkan kandungan media sosial adalah di bawah pertimbangan penyedia platform itu sendiri berdasarkan penilaian standard komuniti yang telah ditetapkan oleh mereka. Penyedia platform yang berpangkalan di luar negara tidak tertakluk kepada nilai, norma masyarakat serta undang-undang di Malaysia.

Dari 1 Januari 2024 sehingga 1 Jun 2024, sejumlah 815 laman sesawang judi dalam talian telah disekat berdasarkan permohonan rasmi pihak PDRM di bawah Akta 289. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 39,935 kandungan media sosial telah diturunkan oleh penyedia platform berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pihak MCMC menurut Akta 588.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI  
[BETONG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta MENTERI KOMUNIKASI menyatakan:**

- (a) berapa jumlah keseluruhan pengguna internet di Sarawak pada masa kini, dan nyatakan pecahan data mengikut zon geografi dan demografi; dan
- (b) apakah tahap literasi digital di kalangan penduduk Sarawak, dan bagaimana angka ini dibandingkan dengan purata nasional.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2023 (ICTHS 2023) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pengguna internet di Sarawak adalah sebanyak 94.2% daripada keseluruhan penduduk negeri Sarawak.

**Jadual 1:** Peratusan Pengguna Internet Negeri Sarawak Mengikut Strata, 2020–2023

| Tahun | Pengguna Internet (%) |        |             |
|-------|-----------------------|--------|-------------|
|       | Negeri                | Bandar | Luar Bandar |
| 2020  | 81.3                  | 91.0   | 65.8        |
| 2021  | 93.6                  | 98.0   | 86.7        |
| 2022  | 93.9                  | 98.4   | 87.7        |
| 2023  | 94.2                  | 98.6   | 88.3        |

Sumber: Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2:** Peratusan Pengguna Internet Negeri Sarawak Mengikut Daerah Pentadbiran, 2023

| No. | Daerah Pentadbiran | Pengguna Internet (%) | No. | Daerah Pentadbiran | Pengguna Internet (%) |
|-----|--------------------|-----------------------|-----|--------------------|-----------------------|
| 1   | Kuching            | 98.6                  | 21  | Kapit              | 93.1                  |
| 2   | Bau                | 97.6                  | 22  | Song               | 93.0                  |
| 3   | Lundu              | 92.3                  | 23  | Belaga             | 95.6                  |
| 4   | Samarahan          | 93.5                  | 24  | Miri               | 98.7                  |
| 5   | Serian             | 82.4                  | 25  | Marudi             | 67.0                  |
| 6   | Simunjan           | 82.4                  | 26  | Limbang            | 96.0                  |
| 7   | Sri Aman           | 90.7                  | 27  | Lawas              | 95.6                  |
| 8   | Lubok Antu         | 78.6                  | 28  | Matu               | 88.3                  |
| 9   | Betong             | 85.2                  | 29  | Asajaya            | 91.7                  |
| 10  | Saratok            | 84.1                  | 30  | Pakan              | 84.8                  |
| 11  | Sarikei            | 92.3                  | 31  | Selangau           | 86.8                  |
| 12  | Maradong           | 82.4                  | 32  | Tebedu             | 91.5                  |
| 13  | Daro               | 85.0                  | 33  | Pusa               | 86.7                  |
| 14  | Julau              | 71.0                  | 34  | Kabong             | 91.9                  |
| 15  | Sibu               | 97.6                  | 35  | Tanjung Manis      | 95.5                  |
| 16  | Dalat              | 87.4                  | 36  | Sebauh             | 98.0                  |
| 17  | Mukah              | 91.4                  | 37  | Bukit Mabong       | 54.6                  |
| 18  | Kanowit            | 81.9                  | 38  | Subis              | 96.9                  |
| 19  | Bintulu            | 97.7                  | 39  | Beluru             | 92.5                  |
| 20  | Tatau              | 92.3                  | 40  | Telang Usan        | 82.1                  |

Sumber: Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 3:** Peratusan Pengguna Internet Negeri Sarawak Mengikut Jantina, 2022-2023

| Tahun | Peratusan Pengguna Internet (%) |           |
|-------|---------------------------------|-----------|
|       | Lelaki                          | Perempuan |
| 2022  | 96.9                            | 90.7      |
| 2023  | 94.8                            | 93.5      |

Sumber: Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia

Data mengenai tahap literasi digital negara secara amnya adalah di bawah Kementerian Digital.

Namun demikian dibawah Kementerian Komunikasi, terdapat program di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Klik Dengan Bijak (KDB) dan Sukarelawan ICT Malaysia (MIV) terkait literasi digital. Setakat 1 Jun 2024, terdapat 932 NADI yang sedang beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 133 NADI sedang beroperasi di Sarawak. Menyedari kepentingan NADI kepada komuniti setempat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI telah melaksanakan pertambahan 186 NADI baharu di seluruh negara di mana 23 NADI baharu sedang dalam fasa pelaksanaan di Sarawak dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya sebelum penghujung tahun 2024. Dengan pertambahan NADI baharu ini, ia akan menjadikan 156 NADI di negeri Sarawak.

Selain kemudahan capaian internet secara kolektif dan peranan NADI sebagai tempat komuniti setempat mendapatkan akses kepada maklumat terkini, betul dan tepat mengenai inisiatif dan bantuan-bantuan dari Kerajaan, NADI juga berperanan sebagai pusat bagi merapatkan jurang pengetahuan dan sosio ekonomi dengan memperkasakan komuniti setempat melalui pelbagai program dan latihan yang merangkumi empat bidang fokus utama iaitu keusahawanan, e-pembelajaran sepanjang hayat, kesejahteraan sendiri dan program kesedaran atau advokasi. Program-program yang ditawarkan di NADI telah dirombak bagi memastikan ia relevan, membuka lebih banyak peluang dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi setempat dan memberi impak yang lebih meluas kepada golongan sasaran.

Sehingga suku pertama tahun 2024, terdapat sejumlah 372,684 penyertaan komuniti dalam pelbagai program latihan yang telah

## SOALAN NO : 42

dijalankan di NADI di Negeri Sarawak. Ini termasuk program advokasi dan kempen kesedaran agar komuniti setempat lebih peka terhadap risiko-risiko penggunaan teknologi dan internet. Program-program seperti Klik Dengan Bijak dan terbaru, Jelajah Anti-Scam dan S.A.F.E Internet giat dijalankan untuk meningkatkan literasi digital dikalangan komuniti.

Dalam usaha mengukuhkan kecekapan digital, Kementerian Komunikasi melalui MCMC memberi penekanan terhadap kesedaran mengenai keselamatan dalam talian serta kawalan sendiri sebagai usaha menguatkan daya tahan pengguna dalam menggunakan pelbagai platform komunikasi dengan positif, produktif, dan bertanggungjawab. Usaha ini dilakukan menerusi pelaksanaan inisiatif keselamatan Internet Klik Dengan Bijak (KDB) dan Sukarelawan ICT Malaysia (MIV) kepada pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.

MCMC berusaha mendidik masyarakat supaya bertanggungjawab dalam menyemak kesahihan maklumat yang diterima sebelum membuat perkongsian. Melalui modul Maklumat Palsu, sesi perkongsian KDB mendidik pengguna mengenai bahaya maklumat palsu, cara menentusahkan sesuatu maklumat, dan undang-undang yang berkaitan kesalahan menyebarkan maklumat palsu. Pengguna internet di Malaysia digalakkan untuk menggunakan platform semak fakta seperti Sebenarnya.my, MyCheck, Jom Check, dan Biar Betul!.

Untuk makluman, sebanyak 80 program KDB dengan capaian audiens seramai 19,572 orang dan satu program MIV dengan capaian audiens seramai 99,766 telah diadakan di negeri Sarawak pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS, TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ROSOL BIN WAHID  
( HULU TERENGGANU )**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah orang kurang upaya (OKU) yang telah menyertai sektor pekerjaan di Malaysia sejak 2022 hingga kini dan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan golongan OKU yang berbakat dan berkebolehan mendapat peluang pekerjaan yang setara dengan individu normal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah OKU yang telah menyertai sektor pekerjaan sejak tahun 2022 adalah sebanyak 10,766 orang.
2. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Penjawat awam OKU yang telah dilantik ke Perkhidmatan Awam Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri sejak tahun 2022 adalah seramai 3,717 orang.
3. Bagi pekerja OKU di sektor swasta pula, statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) iaitu agensi di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) merekodkan 7,049 pekerja

## SOALAN NO : 43

OKU pelbagai kategori ketidakupayaan bagi antara tahun 2022 sehingga 31 Mei 2024. KESUMA menyediakan perkhidmatan mendapatkan pekerjaan seperti portal MYFutureJobs serta penganjuran Program Karnival Kerjaya yang menawarkan sesi temuduga pekerjaan secara harian atau mingguan di seluruh Malaysia.

4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengambil langkah untuk memastikan golongan OKU yang berbakat dan berkebolehan mendapat peluang pekerjaan yang setara dengan individu normal menerusi beberapa program khusus yang disediakan seperti Bengkel Terlindung, Program *Job Coach*, Program Pemerkasaan Ekonomi (EEP) yang dilaksanakan di bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta pemberian Elaun Pekerja OKU (EPOKU).

5. Seksyen 29, Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] telah menjelaskan hak OKU untuk mendapatkan akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Dalam usaha pengambilan OKU untuk bekerja, majikan hendaklah menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai kepada OKU dalam usaha menggalakkan pekerjaan yang stabil dengan menilai keupayaannya dengan sewajarnya, menyediakan tempat pekerjaan dan menjalankan pengurusan pekerjaan yang sesuai.

6. Sehubungan itu, semua pihak harus memberi peluang seadilnya kepada OKU untuk mendapatkan pekerjaan bagi kesejahteraan OKU serta perkembangan ekonomi negara yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**DATO ANYI NGAU [ BARAM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Sarawak melalui agensi NADMA mulai tahun 2020 sehingga 2024 mengikut aktiviti dan program khususnya untuk kawasan Parlimen Baram.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Terdapat dua (2) jenis peruntukan utama yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada semua negeri iaitu peruntukan Bantuan Bencana dan peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana bagi menghadapi bencana semasa musim Monsun Timur Laut (MTL) khususnya bencana banjir.
2. Objektif peruntukan Bantuan Bencana adalah bagi pemberian dua (2) jenis bantuan iaitu Bantuan Wang Ihsan (BWI) dan BWI Kematian. BWI merupakan sumbangan sebanyak RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah (KIR) yang terkesan akibat bencana dan berpindah/berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), manakala BWI Kematian merupakan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.
3. Sumbangan BWI dan BWI Kematian akan diagihkan oleh Pejabat Daerah kepada KIR mangsa bencana yang terjejas setelah proses semakan dan pengesahan oleh Pejabat Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan perakuan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).
4. Manakala, objektif peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana adalah untuk membantu JPBN, JPBD dan agensi-agensi tindak balas seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia di sesuatu daerah atau negeri yang terbabat bagi melancarkan pengurusan dan operasi

Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) semasa aktiviti menyelamatkan dan memindahkan mangsa akibat kejadian bencana.

5. Bagi negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan melalui NADMA telah menyalurkan peruntukan Bantuan Bencana berjumlah **RM36,074,100.00** kepada JPBN Sarawak bagi disalurkan kepada semua JPBD daripada tahun 2020 sehingga 2024. Perinciannya adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b>  | <b>Jumlah Peruntukan (RM)</b> |
|---------------|-------------------------------|
| 2020          | 1,745,100.00                  |
| 2021          | 6,422,500.00                  |
| 2022          | 8,906,500.00                  |
| 2023          | 4,910,000.00                  |
| 2024          | 14,090,000.00                 |
| <b>Jumlah</b> | <b>36,074,100.00</b>          |

6. Bagi kawasan Parlimen Baram, JPBN Sarawak telah mengagihkan peruntukan Bantuan Bencana berjumlah **RM6,333,500.00** kepada Pejabat Daerah Marudi, Beluru dan Telang Usan serta Pejabat Daerah Kecil Bario selaku Pengerusi JPBD bagi pemberian BWI berdasarkan jumlah sebenar KIR mangsa bencana yang terjejas dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Perinciannya adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b>  | <b>Jumlah Peruntukan (RM)</b> |
|---------------|-------------------------------|
| 2022          | 2,779,500                     |
| 2023          | 3,554,000                     |
| <b>Jumlah</b> | <b>6,333,500</b>              |

7. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan melalui NADMA telah menyalurkan peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana berjumlah **RM7,622,240.00** kepada JPBN Sarawak bagi disalurkan

**NO. SOALAN : 44**

kepada semua JPBD daripada tahun 2021 sehingga 2024. Perinciannya adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b>  | <b>Jumlah Peruntukan (RM)</b> |
|---------------|-------------------------------|
| 2021          | 2,000,000.00                  |
| 2022          | 1,372,240.00                  |
| 2023          | 2,000,000.00                  |
| 2024          | 2,250,000.00                  |
| <b>Jumlah</b> | <b>7,622,240.00</b>           |

8. Bagi kawasan Parlimen Baram, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah mengagihkan peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana berjumlah **RM261,094.00** seperti berikut:

| <b>Tahun</b>  | <b>Jumlah Peruntukan (RM)</b> |
|---------------|-------------------------------|
| 2023          | 26,322.00                     |
| 2024          | 234,772.00                    |
| <b>Jumlah</b> | <b>261,094.00</b>             |

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[SETIU]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang sedang dijalankan di peringkat Kerajaan dalam menangani isu keruntuhan institusi kekeluargaan yang melibatkan skandal dengan suami orang, pergaulan bebas antara bukan mahram, hubungan jarak jauh (PJJ) dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited dalam melaksanakan program-program kekeluargaan sebagai inisiatif untuk mengukuhkan institusi keluarga. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah merangka dan melaksanakan beberapa program diantaranya seperti berikut:

**(i) Kursus Praperkahwinan Islam**

Kursus Praperkahwinan Islam dilaksanakan kepada pasangan yang akan mendirikan rumahtangga untuk meningkatkan ilmu dan memantapkan persediaan diri serta meningkatkan keyakinan sebelum memasuki alam perkahwinan. Tujuan utama kursus ini juga sebagai pendedahan awal dan memberikan pengetahuan asas kekeluargaan termasuk tentang konsep dan tujuan perkahwinan dengan menjadikan Islam sebagai panduan dan dasar dalam kehidupan rumahtangga.

**(ii) Kursus Pascaperkahwinan Islam**

Kursus Pascaperkahwinan Islam merupakan program pengukuhan institusi keluarga yang disasarkan khusus kepada pasangan yang telah mendirikan rumahtangga.

Kursus ini dianjurkan bertujuan memberikan penjelasan dengan lebih mendalam tentang peranan dan tanggungjawab suami isteri di dalam rumahtangga, peranan ibu bapa yang sebenar dalam keluarga. Di samping itu, kursus ini turut memberi pendedahan teknik dan kemahiran suami isteri dalam menguruskan konflik.



**(iii) Program Kekeluargaan**

JAKIM/JAIN dan Agensi agama juga sentiasa menganjurkan program kekeluargaan dalam usaha memastikan keharmonian institusi keluarga. Pelaksanaan program ini merupakan antara yang terkandung dalam **Teras 5: Pelan Transformasi Al Falah 2023-2027 Program Keluarga Sakinah** bagi menunjukkan komitmen kerajaan dalam mengukuhkan institusi keluarga.

**(iv) KSKCareCentre (KSKCC)**

KSKCareCentre (KSKCC) terletak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) dan telah dirasmikan pembukaannya pada 20 September 2018. Pusat ini berfungsi sebagai pusat rujukan yang menyediakan khidmat nasihat, kaunseling, bimbingan kekeluargaan, rawatan Islam dan terapi kepada isu sosial dalam masyarakat, menggunakan pendekatan kerohanian secara integrasi iaitu Kaunseling Syarie, Terapi Psikospiritual Islam dan Terapi `Ilaj Syarie.

**(v) Inisiatif Lelaki Qawwam**

JAKIM juga telah mengetengahkan konsep Lelaki Qawwam yang merupakan antara inisiatif untuk memperkukuhkan tanggungjawab dan menyerlahkan peranan lelaki dalam mentadbir diri, keluarga, organisasi dan masyarakat seterusnya dapat memperkasakan aspek kepimpinan dan keupayaan lelaki agar memiliki ciri-ciri adil, perkasa, amanah, wibawa, tekad, penyantun dan futuristik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR  
[BATU PAHAT]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah terkini Persatuan Veteran ATM yang berdaftar dan aktif serta jumlah peruntukan yang diterima.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, bilangan persatuan veteran yang telah didaftarkan di bawah Sekyen 7 Akta Veteran 2012 (Akta 740) adalah sebanyak 527 yang terdiri daripada 122 persatuan induk.

Dalam hal ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM500 ribu setiap tahun sebagai dana pembiayaan yang akan diagihkan kepada persatuan-persatuan induk veteran yang layak berdasarkan julat keahlian dan pematuhan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Penstrukturan semula persatuan-persatuan yang ada boleh dilaksanakan dengan mewujudkan hanya satu persatuan supaya pengurusan dan penyaluran dana dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA**  
**[ POKOK SENA ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjelasan insiden penganjuran Festival Pink Fish menggunakan tren KTMB baru-baru ini yang mendorong kemarahan orang ramai kerana telah mencemarkan nama baik Islam sebagai agama Persekutuan dan langkah yang diambil bagi memastikan kejadian ini tidak berulang kembali.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon agar pertanyaan ini dijawab bersekali dengan soalan nombor 80 bertarikh 24 Jun 2024 daripada YB Pasir Mas.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan *Charter Train* yang dikendalikan oleh KTMB adalah merupakan perkhidmatan tren sewa khas kepada pelanggan seperti syarikat berkaitan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan, syarikat swasta dari dalam dan luar negara serta persatuan-persatuan. Aktiviti yang direncanakan di dalam tren sewa khas ini ditentukan oleh pihak pelanggan mengikut garis panduan, terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KTMB.
3. Merujuk kepada isu *Charter Train* pada 16 Mei 2024 yang membuat perjalanan dari stesen Kuala Lumpur ke Serendah, KTMB telah menetapkan terma dan syarat seperti larangan merokok, pengambilan alkohol, penyalahgunaan dadah dan tidak melakukan perkara yang boleh melanggar undang-undang. Pelanggan tersebut telah bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KTMB.
4. Mengambil maklum berkaitan isu tersebut, KTMB juga telah menambahbaik dan mempertingkatkan garis panduan serta terma dan syarat perkhidmatan tren sewa khas ini demi kepentingan orang awam dan syarikat.
5. Antara penambahbaikan garis panduan, terma dan syarat perkhidmatan tren sewa khas ini adalah meliputi semakan dan penyeliaan oleh seorang kakitangan kanan sepanjang aktiviti-aktiviti dan program yang dijalankan oleh pelanggan di dalam *Charter Train* supaya sentiasa mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:

- (a) peranan terkini Malaysia dalam krisis kemanusiaan dan hak asasi di Palestin; dan
- (b) kesan jangka masa panjang terhadap Malaysia dalam isu krisis kemanusiaan dan hak asasi di Palestin

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Ledang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Malaysia sentiasa konsisten dalam memainkan peranan bagi menangani krisis kemanusiaan dan hak asasi di Palestin. Malaysia komited dalam perjuangan agar hak rakyat Palestin dikembalikan, menyokong penubuhan negara Palestin merdeka berdasarkan sempadan pra-1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara, dan supaya Palestin diterima sebagai Anggota Penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Saya, semasa menyampaikan kenyataan Malaysia pada 11 Jun 2024 di Persidangan Peringkat Tinggi, dengan izin, "*Call for Action: Urgent Humanitarian Response for Gaza*," telah mendesak Israel untuk menghentikan krisis kemanusiaan dan genosid di Gaza. Malaysia juga menyokong Resolusi Majlis Keselamatan PBB 2735 (2024) yang menyeru gencatan senjata segera, bantuan kemanusiaan tanpa halangan, dan pembinaan semula Gaza, serta menekankan keperluan menangani punca konflik, iaitu pendudukan haram dan kezaliman Israel.

4. Pada 8 Jun 2024, semasa Mesyuarat Tergempar Menteri-Menteri Luar Negeri D-8 di Istanbul, Malaysia juga menyeru anggota D-8 bersatu untuk mencapai gencatan senjata berkekalan di Gaza.

5. Pada 5 April 2024, Malaysia telah menyokong Resolusi bertajuk "*Human Rights Situation in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and the Obligation to Ensure Accountability and Justice*" yang dibentangkan oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Resolusi tersebut menyeru semua negara menghentikan penjualan, pemindahan, dan pengalihan senjata kepada Israel, menggesa gencatan senjata serta-merta, mengutuk penggunaan

kebuluran sebagai kaedah peperangan oleh Israel di Gaza, dan memberi amaran terhadap operasi ketenteraan berskala besar oleh Israel di Rafah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. Soalan kedua **Yang Berhormat Ledang** mengenai kesan jangka panjang terhadap Malaysia dalam isu krisis kemanusiaan dan hak asasi di Palestin tidak begitu jelas. Bagaimanapun, saya mencuba untuk menginterpretasikan soalan ini dari perspektif pendidikan. Kesan jangka panjang ini merangkumi pelajar-pelajar Palestin yang kini berada di universiti-universiti tempatan tetapi tidak dapat kembali ke tanah air akibat peperangan.

7. Untuk mengatasi cabaran ini, Malaysia perlu memberikan sokongan yang menyeluruh kepada pelajar-pelajar Palestin ini, termasuk bantuan kewangan dan kaunseling, untuk membantu mereka menangani kesukaran hidup yang mereka hadapi.

8. Untuk jangka masa panjang, Malaysia boleh memanfaatkan kehadiran pelajar-pelajar Palestin yang mempunyai kemahiran dan berpendidikan sebagai aset untuk pembangunan negara. Integrasi mereka dalam tenaga kerja tempatan boleh memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi dan kebudayaan Malaysia. Pendekatan yang komprehensif dalam memberikan sokongan kepada pelajar Palestin, termasuk aspek sosial penting untuk menjamin kejayaan mereka dalam menyesuaikan diri di Malaysia.

9. Dengan komitmen yang berterusan dalam menyokong pelajar Palestin dan memperjuangkan isu kemanusiaan global, Malaysia dapat meningkatkan imejnya sebagai negara yang prihatin dan berdaya tahan di peringkat antarabangsa. Ini akan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam mempromosikan keadilan dan perdamaian dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan Majlis Angkatan Tentera (MAT) setelah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa MAT gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dalam isu pelarasan pencen veteran ATM yang berpencen sebelum 1 Januari 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Peguam Negara telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan Putrajaya terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 5 Februari 2024. Pendengaran bagi rayuan tersebut telah ditetapkan pada bulan Januari 2025.

Memandangkan kes ini masih di peringkat rayuan, sebarang tindakan lanjut yang akan diambil adalah tertakluk kepada keputusan rayuan tersebut dan pihak MAT akan akur dan bersedia untuk melaksanakan keputusan yang akan dibuat oleh Mahkamah kelak.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kekerapan pemantauan kawalan keselamatan di perairan Kudat dan aset pertahanan yang digunakan untuk operasi kawalan keselamatan sempadan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa konsisten dalam memastikan kawalan keseluruhan sempadan negara berada pada tahap yang tertinggi demi mengekalkan kedaulatan Negara dan mengekang sebarang bentuk pencerobohan menerusi pelbagai operasi meliputi kawasan daratan, persisiran pantai, perairan, udara dan tuntutan bertindih termasuk di kawasan perairan Kudat, Sabah.

Pemantauan kawalan keselamatan di perairan Kudat dilaksanakan menerusi Operasi PASIR (Op PASIR) di bawah kawalan Markas Angkatan Bersama yang dilaksanakan sepanjang tahun. Pelaksanaan Op PASIR meliputi aturgerak elemen dari Tentera Darat (TD) di kawasan persisiran dan perairan Kudat dengan menduduki pulau-pulau strategik. Terdapat tujuh lokasi penempatan trup di Daerah Kudat iaitu di Pos Karakit, Pos Dogotan, Pos Pulau Balambangan, Pos Pulau Mandi Darah, Pos Mapan-Mapan, Pos Tanjung Batu Laut dan Kem Sri Kudat. Aturgerak elemen TD ini meliputi Pasukan Infantri dan Pasukan Tindak Balas Pantas (QRF) yang dilengkapi dengan aset Bot Tempur (Viper MK II dan Rover).

Pemantauan perairan Kudat juga menggunakan aset perairan di bawah pemerintahan Markas Pemerintahan Armada Timur melalui Op PASIR melibatkan aturgerak sekurang-kurangnya tiga buah kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dilaksanakan sepanjang masa (24/7).

Aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga sentiasa ditugaskan dalam memantau perairan Kudat menggunakan aset-aset yang berpangkalan di Pangkalan Udara Labuan dan Pangkalan Udara Kuching. Kekerapan rondaan oleh TUDM adalah sebanyak empat kali sebulan dengan menggunakan pesawat pejuang, pengangkut dan helikopter bergantung kepada ketersediaan semasa pesawat.

Selain itu, ATM juga melaksanakan pengawasan menggunakan *Coastal Surveillance Radar* iaitu Radar CSS 1206 yang ditempatkan di Pulau Banggi (CSS Dogoton) dan Pulau Jambongan (Daerah Beluran) sebagai amaran awal bagi mengesan sebarang pencerobohan wilayah perairan Kudat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI ABD. GHANI BIN AHMAD  
[JERLUN]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. HAJI ABD. GHANI BIN AHMAD [ JERLUN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh masa pengajaran Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) kepada 15 jam seminggu dan dinaikkan elaun bulanan guru-guru KAFA dengan jumlah yang munasabah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan program KAFA di peringkat menengah rendah.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui JAKIM pada hari ini amat komited dan prihatin terhadap Guru-guru KAFA seramai 35,000 orang yang telah memberikan khidmat bakti sejak mula tertubuhnya Program KAFA pada tahun 1990.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Guru KAFA diperuntukkan 9 jam seminggu bersamaan 36 jam sebulan bagi tugas pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengurusan peperiksaan dan pentadbiran sebagaimana Peraturan 36, Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program KAFA Tahun 2022 dengan bayaran RM1,100.00 sebulan.
3. Dalam masa yang sama, JAKIM sedang giat merealisasikan agenda Pelan Tranformasi Al-Falah di bawah Teras ke-5: Kehormatan Institusi Islam bagi melaksanakan Strategi 1, Memperkukuh Institusi Pendidikan Al-Quran dan Fardu Ain, melalui cadangan Program KAFA Perdana. Program ini mensasarkan penyelarasan hari dan jam bekerja Guru iaitu dari 3 hari kepada 5 hari (9 jam kepada 30 jam seminggu), hari persekolahan murid iaitu 3 hari kepada 5 hari dan penyediaan premis yang bersesuaian untuk membolehkan guru bertugas mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
4. Dalam hubungan ini, JAKIM juga telah selesai mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan 14 Agensi Pelaksana KAFA Negeri untuk menyelaras hari dan jam bekerja Guru KAFA kepada lima (5) hari seminggu melibatkan elemen pentadbiran, amali solat, pengajaran dan pembelajaran (PdP), penilaian dan pengukuhan serta persediaan PdP termasuk waktu rehat guru yang akan dilaksanakan secara berperingkat untuk membolehkan guru menikmati elaun yang lebih layak dan setimpal dengan tugas mereka.

## NO. SOALAN: 51

5. Kerajaan sentiasa komited menjaga kebajikan Guru-guru KAFA agar nasib mereka terbela dalam apa jua keadaan. Ini adalah kerana Kerajaan amat sedar akan kepentingan peranan Guru-guru KAFA dalam memberikan pendidikan agama kepada masyarakat khususnya dalam aspek kemenjadian murid-murid Islam peringkat rendah.
  
6. Berkenaan program KAFA di peringkat menengah rendah, buat masa ini dengan melihat kepada objektif asal KAFA dan keupayaan sedia ada, JAKIM hanya memberikan fokus kepada program KAFA bagi kanak-kanak Islam yang berumur 7 hingga 12 tahun sahaja.
  
7. Kerajaan percaya melalui proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di arus perdana yang telah dilaksanakan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan telah mencakupi keperluan di peringkat menengah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) perkembangan rundingan/pelaksanaan Pelan Induk Pesisir Pantai Utara (*North Seafront Masterplan*) iaitu cadangan pembangunan di pesisir pantai Pulau Pinang ke arah mencapai status *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang telah dikemukakan sebelum ini; dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan khas bagi pelaksanaannya, jika ya berapa jumlahnya serta bila. Jika tidak, apakah sebabnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *North Seafront Masterplan* merupakan pelan induk yang telah dibangunkan oleh *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Chief Minister's Incorporated* (CMI), Think City Sdn. Bhd. (anak syarikat sepenuhnya milik Khazanah Nasional Berhad) dan *Aga Khan Trust for Culture* di bawah Rancangan Kawasan Khas George Town sebagai usaha untuk memelihara bandar tersebut yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008.
2. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) tidak terlibat secara langsung dalam projek pembangunan di bawah pelan induk berkenaan sejak ianya dilaksanakan dari tahun 2016.
3. Namun begitu, maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) mendapati bahawa Program Pesisir Pantai Utara ini merangkumi 14 inisiatif yang mempamerkan pemulihan bandar berasaskan budaya, sesiaran atau *promenade* tepi laut berkualiti tinggi dan ketahanan iklim. Ia menunjukkan kelebihan pendekatan berasaskan budaya untuk pembangunan sosio-ekonomi mampan, memelihara aset warisan dan alam sekitar George Town yang berharga. Projek ini akan meningkatkan dengan ketara ketersediaan ruang awam di bandar dan memperbaiki kemudahan awam di kawasan persiaran awam yang paling penting di Tapak Warisan Dunia itu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR  
BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi kekurangan para pendakwah yang boleh berkhidmat sepenuh masa membimbing saudara-saudara baru bagi memahami Islam dan mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar terutama di kawasan-kawasan pedalaman.



**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM menjalinkan kerjasama dengan negeri-negeri melalui JAIN/MAIN dalam meningkatkan syiar Islam melalui bimbingan dan mengamalkan cara hidup Islam kepada saudara-saudara baru terutama di kawasan-kawasan pedalaman melalui pelbagai variasi pendekatan.
2. Antaranya, kelas pengajian Fardhu Ain secara tidak formal, ziarah interpersonal dari rumah ke rumah dan bimbingan ibadah. Tugas ini telah dilaksanakan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli lantikan JAKIM bersama-sama pembimbing agama Orang Asli lantikan JAIN/MAIN. Antaranya Mubaligh Islam di Perak, Penyelaras Pembangunan Insaniah Masyarakat Asli (PePIMA) di Pahang dan Guru Agama Orang Asli di Kelantan.
3. Sehingga hari ini, JAKIM bersama JAIN/MAIN sentiasa berusaha **memastikan setiap perkampungan Orang Asli yang mempunyai penduduk beragama Islam ditempatkan pembimbing agama dan Penggerak Masyarakat Orang Asli bagi tujuan tersebut.**
4. Bagi mengatasi kekurangan pendakwah di kawasan-kawasan pedalaman khususnya di perkampungan orang asli, JAKIM bersama JAIN/MAIN merancang untuk mengadakan protégé pendakwah dari kalangan orang asli beragama Islam kerana mereka lebih memahami adat dan budaya masyarakat mereka sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER  
A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**  
**TARIKH** : **24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyarankan supaya Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang menyemak semula keputusan tahun 2019 yang menghadkan kelayakan calon-calon yang layak menduduki peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] memperuntukkan bahawa Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia ('Lembaga Kelayakan') hendaklah mempunyai fungsi untuk memutuskan kelayakan yang boleh mengehakkan seseorang menjadi "orang berkelayakan" sebelum seseorang itu boleh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Malaysia.
2. Dalam hal ini, Lembaga Kelayakan telah mengendalikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, yang merupakan suatu peperiksaan profesional, yang para lulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman tersebut akan menjadi "orang berkelayakan" di bawah Akta 166.
3. Demi menjamin kewibawaan profesion undang-undang di Malaysia, Lembaga Kelayakan perlu mengekalkan mutu dan standard pencapaian yang tinggi sebelum seseorang graduan undang-undang itu boleh dianugerahkan Sijil Amalan Guaman.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada keputusan yang dibuat oleh Lembaga Kelayakan berkaitan dengan had masa untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman pada tahun 2019.
5. Pada tahun 2017, Lembaga Kelayakan telah menetapkan dasar bahawa suatu pendaftaran bagi menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman adalah sah bagi tempoh 4 tahun dengan 4 kali percubaan dan sekiranya calon masih gagal dalam tempoh tersebut, calon itu tidak lagi dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

6. Pada tahun 2021 pula, Lembaga Kelayakan telah memutuskan dasar bahawa setiap pendaftaran untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman adalah sah untuk tempoh 5 tahun dengan 4 kali percubaan dan sekiranya calon masih gagal dalam tempoh tersebut, calon itu tidak lagi dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.
7. Dasar ini adalah perlu bagi memastikan kewibawaan dan kualiti pengamal undang-undang yang akan memartabatkan profesion undang-undang di Malaysia.
8. Dasar ini juga selaras dengan pendekatan yang diambil oleh *Bar Standards Board* yang mengawal selia *Barrister* di England dan Wales dan menetapkan syarat bahawa calon-calon yang menjalani *Bar Training Course* mestilah lulus penilaian (*assessment*) dalam semua mata pelajaran dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran kursus tersebut untuk membolehkan calon-calon tersebut diterima masuk ke Badan Peguam (*called to the Bar*). Walau bagaimanapun, *Bar Standards Board*, pada masa ini, tidak menetapkan bilangan maksimum percubaan yang dibenarkan kepada calon-calon dalam tempoh 5 tahun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU  
ISMAIL [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan / KTM bercadang untuk menambahkan kekerapan perjalanan ETS KL Sentral ke Padang Besar memandangkan laluan ini permintaannya lebih tinggi berbanding dengan laluan KL Sentral ke Butterworth. Laluan KL Sentral ke Padang Besar kapasitinya sentiasa penuh berbanding dengan laluan KL Sentral ke Butterworth.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan trip perkhidmatan ETS yang disediakan oleh KTMB adalah sebanyak 32 trip sehari meliputi pelbagai laluan. Pada masa sekarang, KTMB menawarkan perkhidmatan ETS bagi laluan KL Sentral ke Padang Besar sebanyak 8 trip sehari pergi dan balik, manakala 2 trip sehari pergi dan balik bagi laluan Gemas ke Padang Besar

2. KTMB sentiasa memantau pola permintaan penumpang terutamanya bagi laluan ke Padang Besar. Pada masa ini, kekerapan perjalanan Perkhidmatan ETS laluan KL Sentral-Padang Besar akan ditambah pada musim cuti kelepasan am atau cuti sekolah bagi memenuhi permintaan penumpang.

3. Bermula Ogos 2024, KTMB juga akan memperkenalkan tambahan 2 trip perkhidmatan ETS setiap hari bagi laluan KL Sentral-Padang Besar. Tambahan 2 trip ini akan beroperasi secara ekspres dengan masa perjalanan sehala hanya 5 jam berbanding perkhidmatan ETS sedia ada. Trip ini akan menjimatkan masa sebanyak 44 minit bagi laluan yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY  
BIN BANDY [ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [ KALABAKAN ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memberikan tekanan di peringkat antarabangsa bagi menghentikan krisis kemanusiaan dan genosid ke atas rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh pihak Israel serta gesaan kepada negara dunia bagi mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negeri berdaulat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kalabakan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Malaysia sejak sekian lama kekal dengan pendekatan berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara serta menyokong hasrat Palestin untuk menjadi Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Semasa Persidangan Peringkat Tinggi bertajuk "*Call for Action: Urgent Humanitarian Response for Gaza*" yang dianjurkan oleh Kerajaan Jordan, Mesir dan PBB pada 11 Jun 2024, saya telah mengambil peluang untuk berjumpa dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat. Ini merupakan usaha Kerajaan untuk menyuarakan bahawa Malaysia menyokong cadangan tiga fasa oleh Presiden Biden, namun, Malaysia ingin melihat Amerika Syarikat memberi tekanan kepada Israel untuk memberhentikan serangan terhadap Palestin.

4. Semasa Persidangan ini juga, saya memaklumkan bahawa Malaysia mengalu-alukan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 2735 (2024), yang antara lain, menyeru untuk gencatan senjata segera, kekal dan berkesan, menggesa penyaluran bantuan kemanusiaan dengan segera dan tanpa halangan, serta pembinaan semula Gaza. Saya juga telah menekankan agar semua pihak menyokong usaha-usaha ke arah mencapai penyelesaian damai dengan menangani punca utama konflik, iaitu pendudukan haram dan kezaliman Israel; mensabitkan akauntabiliti melalui, dengan izin, '*reparative approach*' ke atas Israel dan memperkasakan usaha-usaha bantuan kemanusiaan PBB.



5. Semasa saya menghadiri Mesyuarat Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) bagi Membincangkan Situasi Gaza, di Istanbul, Republik Türkiye, pada 8 Jun 2024, saya telah menyuarakan pendirian tegas Malaysia terhadap krisis yang sedang berlaku di Palestin. Saya juga menyeru agar Negara-negara Anggota D-8 bersatu dan bekerjasama bagi meyakinkan semua pihak supaya gencatan senjata berkekalan dicapai bagi menghentikan serangan dan kekejaman berterusan oleh rejim Israel ke atas rakyat Palestin.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. Usaha-usaha berterusan serta sokongan Malaysia terhadap negara Palestin boleh dilihat dengan jelas di pelbagai peringkat, antaranya:

2024

- i. Persidangan Peringkat Tinggi "*Call for Action: Urgent Humanitarian Response for Gaza*", di Jordan, 11 Jun 2024;
- ii. Mesyuarat Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) bagi Membincangkan Situasi Gaza, di Istanbul, 8 Jun 2024;
- iii. Sesi Ke-15 Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam yang diadakan di Banjul, Republik Gambia, 4-5 Mei 2024;
- iv. Mesyuarat Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri Pertubuhan Kerjasama Islam di Jeddah, 5 Mac 2024;
- v. Segmen Peringkat Tinggi Sidang Ke-55 Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva (27 Februari 2024);
- vi. Sesi Pendengaran Awam bagi mendapatkan pendapat nasihat daripada Mahkamah Keadilan Antarabangsa berhubung isu Palestin di The Hague, Belanda (22 Februari 2024);
- vii. Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Kesatuan Eropah Ke-24 dan Forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah Ke-3 di Brussels (2 Februari 2024);
- viii. Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement – NAM*) Ke-19 di Kampala, Uganda (19-20 Januari 2024);

2023

- ix. Mesyuarat Pleno Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-78 dan Debat Terbuka Majlis Keselamatan PBB di New York (28-29 November 2023);
- x. Sidang Kemuncak Tergempar Bersama Arab dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah diadakan di Riyadh, 11 November 2023; dan
- xi. Kenyataan bertulis bagi proses mendapatkan Pendapat Nasihat di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (atau dengan izin ICJ) (25 Julai 2023).

7. Malaysia akan terus memberikan tekanan di peringkat antarabangsa serta mengeluarkan kenyataan semasa mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di PBB, OIC, NAM, dan ASEAN. Usaha berterusan ini adalah bagi menghentikan krisis kemanusiaan dan genosid ke atas rakyat Palestin di Gaza serta membuat gesaan mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana komitmen dan usaha Kerajaan terhadap resolusi yang dicapai di dalam Persidangan Ketiga Penerbangan dan Bahan Bakar Alternatif (CAAF/3) pada November 2023 untuk membangunkan dan menghasilkan bahan api penerbangan mampan (SAF) dan bahan api penerbangan karbon rendah (LCAF).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan komited bagi mencapai sasaran pengurangan kadar pelepasan karbon dari sektor penerbangan antarabangsa sehingga 5% secara global menjelang tahun 2030 melalui penggunaan *Sustainable Aviation Fuel* (SAF), *Low Carbon Aviation Fuel* (LCAF) dan tenaga bersih penerbangan lain. Ini adalah selari dengan resolusi yang dipersetujui semasa persidangan *Third Conference on Aviation Alternative Fuel* (CAAF/3) yang telah berlangsung pada 20 hingga 24 November 2023 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

2. Resolusi CAAF/3 bertujuan untuk meningkatkan pembangunan dan penggunaan SAF, LCAF dan tenaga bersih penerbangan lain bagi mencapai sasaran *Long Term Aspirational Goal* (LTAG) yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO), iaitu karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Komitmen ini telah dipersetujui oleh sebahagian besar negara-negara anggota ICAO dengan mengambil kira situasi, keupayaan dan kemampuan sesebuah negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada masa ini, MOT sedang membangunkan *Malaysia Aviation Decarbonisation Blueprint* (MADB) sebagai suatu dasar strategik untuk menyokong sektor penerbangan mencapai karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Melalui MADB, penggunaan SAF merupakan salah satu daripada langkah mitigasi penting dalam sektor (*in-sector solution*) yang menyumbang kepada pengurangan kadar pelepasan karbon dari sektor penerbangan.

4. Dalam konteks ini, pendekatan Kerajaan secara menyeluruh (*whole of government approach*) adalah diperlukan bagi meningkatkan pembangunan dan penggunaan SAF di Malaysia,. Ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan termasuk Kementerian/ Jabatan/ Agensi peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri, sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan. Pendekatan secara inklusif ini adalah penting bagi memenuhi obligasi dan komitmen iklim antarabangsa Malaysia tanpa menjejaskan daya saing sektor penerbangan.

5. Komitmen Malaysia terhadap resolusi CAAF/3 juga disokong melalui penglibatan aktif dalam forum-forum antarabangsa berkaitan penerbangan mampan dan perubahan iklim. Ini termasuk kerjasama dengan negara-negara anggota ICAO dan organisasi antarabangsa lain untuk berkongsi pengetahuan, teknologi, dan amalan terbaik dalam usaha mencapai sasaran pengurangan pelepasan karbon.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS, TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN CHA KEE CHIN ( RASAH )**

**TARIKH** : **24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bersedia memberikan geran tetap atau dana khas secara berkala kepada rumah kebajikan kanak-kanak atau warga emas swasta yang menawarkan perkhidmatan tanpa menerima bayaran tetap daripada keluarga penghuni, kerana penghuni tidak mempunyai ahli keluarga atau ditinggalkan oleh keluarga asal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpendirian dan menekankan prinsip “Penjagaan Berasaskan Keluarga” (*Family-Based Care*) dan konsep “Penuaan Setempat” (*Aging-in-Place*), di mana warga emas tinggal di rumah mereka sendiri. Melalui Dasar Warga Emas Negara, kerajaan berusaha menyokong anak-anak atau keluarga dalam menjaga ibu bapa di tempat mereka demi meningkatkan kualiti hidup warga emas.

2. Dalam hal ini, Kerajaan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan skim bantuan kewangan secara bersasar, iaitu khusus untuk golongan warga emas yang menepati kelayakan yang ditetapkan. Ini dilaksanakan dengan objektif agar mereka dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup bersama keluarga atau dalam komuniti. Skim bantuan kewangan tersebut adalah:

- i. **Skim Bantuan Warga Emas (BWE)** sebanyak RM500 sebulan kepada individu yang layak. Pada tahun 2023, Kerajaan telah menyalurkan lebih kurang RM857 juta BWE yang memanfaatkan lebih 146,000 warga emas; dan
- ii. **Skim Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** sebanyak RM500 sebulan untuk meringankan bebanan keluarga / penjaga yang layak bagi membantu meringankan beban mereka untuk menjaga ahli keluarga yang sakit terlantar. Kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM165 juta sepanjang tahun 2023, memanfaatkan lebih 28,000 orang penerima.

3. Pada masa yang sama, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperuntukkan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau lebih dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan

## SOALAN NO : 58

penjagaan, perlindungan, dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak.

4. Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk meringankan beban kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Setiap pertimbangan kelulusan Bantuan Kewangan Kerajaan turut mengambil kira kemampuan kewangan PSK dari segi jumlah aset semasa, pendapatan dan perbelanjaan mereka. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.

5. Pada tahun 2023, JKM telah menyalurkan RM6.7 juta kepada 86 buah PSK kategori kanak-kanak dan RM1.9 juta kepada PSK kategori warga emas.

6. Namun begitu, PSK wajar mengambil inisiatif untuk menjana dana lain bagi menampung kos operasi mereka termasuk perbelanjaan makan minum penghuni tanpa perlu atau terlalu bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan semata-mata. Ini kerana Bantuan Kewangan Kerajaan adalah bersifat sementara dan bukan untuk memenuhi semua keperluan PSK tetapi diberikan kepada PSK yang layak sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP menyatakan** sejauh manakah kesan kuasa boikot terhadap jenama-jenama yang berhubung kait dengan Zionis Israel merentas sektor perniagaan dan pada tahap manakah perniagaan tempatan atau barangan tempatan buatan Malaysia mendapat manfaat dalam aspek pengembangan produk dan perniagaan kesan daripada gerakan boikot ini.



**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Tindakan memboikot adalah lebih kepada pilihan secara sukarela yang melibatkan pengguna tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak. Boikot terhadap jenama yang berkaitan dengan Israel sering berlaku di pelbagai negara, termasuklah Malaysia yang disebabkan oleh faktor politik serta solidariti terhadap penindasan ke atas rakyat Palestin.

Boikot boleh memberi kesan yang signifikan dalam beberapa cara, terutamanya dalam sektor perniagaan dan ekonomi tempatan. Antaranya adalah:

**1. Pengurangan Penjualan Jenama Berkaitan Israel**

Jenama yang dikaitkan dengan Israel sama ada secara langsung mahupun tidak langsung mungkin mengalami penurunan dalam penjualan produk mereka disebabkan oleh boikot. Pengguna yang menyokong boikot akan beralih daripada membeli produk-produk jenama tersebut kepada produk-produk alternatif yang lain yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang ketara bagi syarikat-syarikat berkenaan. Sebagai contoh, seperti mana yang telah dilaporkan oleh Berita Harian pada 21 Februari 2024, Berjaya Food Berhad yang merupakan pengendali beberapa jenama antarabangsa yang dikaitkan dengan Israel telah mengalami kerugian bernilai RM42.58 juta kesan daripada boikot yang dijalankan berikutan konflik di Asia Barat tersebut.

**2. Peningkatan Permintaan untuk Produk Tempatan**

Apabila pengguna memboikot jenama antarabangsa yang dikaitkan dengan Israel, pengguna akan cenderung mencari alternatif terutamanya produk tempatan. Ini membuka peluang besar untuk barangan buatan Malaysia mengisi kekosongan pasaran dan kehendak pengguna. Peluang ini boleh digunakan sebaik mungkin oleh usahawan tempatan dalam memperkenalkan produk tempatan agar lebih dikenali dan diterima oleh pengguna Malaysia. Sebagai

contoh, terdapat trend pengguna yang beralih kepada produk buatan Malaysia antaranya minuman dan makanan yang berasaskan coklat, mi segera, produk penjagaan badan seperti ubat gigi dan sabun.

**3. Peluang Pengembangan Produk dan Inovasi**

Syarikat tempatan juga boleh memanfaatkan situasi ini dengan memperbaiki kualiti dan inovasi produk mereka untuk menarik lebih ramai pelanggan. Dengan peningkatan permintaan, terdapat insentif bagi perniagaan tempatan untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan produk yang lebih kompetitif di pasaran. Produk-produk berkualiti yang dihasilkan oleh syarikat tempatan seterusnya dijemput untuk menyertai program padanan perniagaan bersama pasaraya-pasaraya besar terpilih untuk membolehkan produk tempatan menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

**4. Kesedaran dan Sokongan Pengguna di Malaysia**

Gerakan boikot sering dikaitkan dengan kempen kesedaran yang dilaksanakan melalui platform media sosial dan digital. Ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai pentingnya menyokong produk tempatan, yang seterusnya boleh membangkitkan rasa bangga serta meningkatkan sokongan terhadap ekonomi Malaysia. Sebagai contoh, terdapat kecenderungan pengguna mula beralih kepada rangkaian restoran makanan segera milik tempatan.

**5. Kemunculan Usahawan dan Syarikat Baru**

Permintaan yang meningkat bagi produk tempatan membuka ruang kemunculan usahawan baru yang menawarkan pelbagai produk sebagai alternatif. Ini bukan sahaja meningkatkan persaingan sihat dalam pasaran, malah turut membantu pembentukan lebih banyak peluang pekerjaan dan pengukuhan ekonomi mikro. Ini dapat dilihat, secara purata, sebanyak 30 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) baru berdaftar di bawah KPDN melalui portal

Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM).

Kesimpulannya, gerakan boikot terhadap jenama yang berkaitan dengan Israel boleh membuka peluang kepada perniagaan tempatan meningkatkan permintaan terhadap barangan buatan Malaysia, merangsang inovasi, dan memperkukuh ekonomi tempatan. Namun, syarikat-syarikat tempatan perlu memastikan mereka memenuhi jangkaan kualiti dan harga yang kompetitif dalam mengekalkan sokongan pengguna bagi jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN  
HAJI ALIAS [ JELEBU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah jemaah yang telah menunaikan haji pada musim Haji 2024 mengikut pecahan kos B40, M40 dan T20 dan berapa jumlah keseluruhan subsidi haji yang ditanggung oleh Kerajaan pada tahun ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota jemaah haji pada musim haji 1445H/2024M adalah seramai 31,600 orang.
2. Dari jumlah keseluruhan ini, komposisi jemaah haji kumpulan B40 adalah 39 peratus, kumpulan M40 adalah 59 peratus dan kumpulan T20 pula 2 peratus.
3. Bagi tahun ini, jemaah haji Kumpulan B40 hanya perlu membayar RM12,356 dari jumlah Kos Haji sebanyak RM33,300 manakala jemaah haji kumpulan M40 pula perlu membuat bayaran sebanyak RM19,152.
4. Untuk makluman semua, Bantuan Kewangan Haji adalah ditanggung oleh semua pendeposit **TH** kerana ianya datang dari jumlah pendapatan pelaburan. Selain dari Bantuan Kewangan Haji oleh **TH**, sejak tahun 2023, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk membiayai RM1,000 bagi setiap Jemaah B40 yang terpilih.
5. Alhamdulillah, seramai 263 orang jemaah haji dari kumpulan B40 dan M40 telah menolak sepenuhnya dan sebahagian Bantuan Kewangan Haji pada musim haji 2024 selari dengan konsep istito'ah yang menekankan kemampuan bagi mengerjakan ibadat haji.
6. Setelah mengambil kira jumlah jemaah yang menolak Bantuan Kewangan Haji dan memilih untuk membayar penuh atau lebih dari jumlah bayaran yang ditetapkan, jumlah Bantuan Kewangan Haji yang ditanggung oleh Tabung Haji pada musim haji 1445H/2024M adalah RM340 juta.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan strategi Kementerian bagi meningkatkan semula keyakinan rakyat terhadap amalan kebebasan media berdasarkan kedudukan ke-107, Indeks Kebebasan Media Dunia 2024 yang diterbitkan oleh Reporters Without Borders (RSF) berbanding pada tangga ke-73 pada tahun 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak, sebaliknya harus dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika, dan mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia. Kebebasan media hendaklah didokong dengan kod etika bagi memastikan ia tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Antara strategi bagi meningkatkan semula keyakinan rakyat terhadap amalan kebebasan media, Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) telah membangunkan Kod Etika Wartawan Malaysia yang bertujuan untuk mengangkat martabat media dengan memastikan maklumat yang disampaikan adalah bersandarkan Etika Kewartawanan Malaysia (EKM) 1989 seperti yang telah digariskan sebelum ini.

Selain itu, dalam memperkasa media di negara ini termasuk memberikan lebih kebebasan dalam melaksanakan tugas, Kementerian Komunikasi sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kandungan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia bersama Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia yang terdiri daripada wakil industri media, ahli akademik dan pihak awam. MMM bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan yang memperkasakan profesion kewartawanan negara dan memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab.

Fungsi MMM juga termasuklah menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam secara amnya serta menyokong pembangunan profesional wartawan dan organisasi media. Dari segi kuasa pula, MMM akan mewujudkan piawai kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab termasuk tatakelakuan untuk industri media. Di samping itu, MMM juga akan mewujudkan mekanisme

## SOALAN NO: 61

penyelesaian pertikaian yang cekap dalam mempertimbangkan serta menyiasat aduan berhubung dengan industri media untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap pengamal media.

Dalam usaha menjaga kepentingan dan kebebasan media di Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mengamalkan konsep liputan berimbang dan bertanggungjawab tanpa mengambil kira fahaman politik dan subjek liputan serta mengutamakan faedahnya kepada rakyat dan negara asalkan ia tidak melibatkan provokasi kepada mana-mana pihak. Ia sesuai dengan amalan yang digariskan oleh Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan RTM sejak 2003 (semakan 2023) yang menggariskan keutamaan nilai berita serta memuatkan pandangan pro dan kontra semua pihak. Ia juga seiring dengan matlamat memberi kebebasan untuk penyiar berkarya dan berkreativiti tetapi pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

BERNAMA pula sebagai agensi pertubuhan berita nasional tidak pernah menyekat mana-mana pihak dalam menyampaikan maklumat, tetapi mengambil tanggungjawab besar dalam bertindak mengekang dan membendung penyebaran berita yang tidak benar. Sekiranya terdapat kandungan maklumat atau berita palsu, tindakan boleh diambil menggunakan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972 atau Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[SIBU]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah syarat yang menjadikan 22 orang calon sahaja yang berlayak untuk memohon biasiswa JPA-PPN untuk bidang selain bidang kejuruteraan/sains dan teknologi.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2016, penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengalami perubahan dasar dan penajaan semasa yang ditawarkan adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Berasaskan Merit Tempat Berkhidmat.
2. Permohonan untuk Program Penajaan Nasional (PPN) adalah terbuka kepada semua yang berkelayakan berdasarkan syarat-syarat umum dan khusus yang ditetapkan. Syarat khusus yang ditetapkan adalah mendapat 8A+ mengikut bilangan mata pelajaran yang ditetapkan dan minimum gred A- bagi mata pelajaran lain tertakluk kepada pakej mata pelajaran yang diambil oleh pelajar bagi bidang selain kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T).
3. Pada tahun 2024, seramai 22 orang calon PPN telah disenarai pendek kerana telah melepasi syarat-syarat umum dan khusus yang ditetapkan. Calon-calon tersebut akan dipertimbangkan untuk menerima tajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED  
ABDUL RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur operasi standard bagi raih dana untuk pemilihan parti dan juga pilihan raya umum kerana kita masih tidak mempunyai Akta Pendanaan Politik.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman pendanaan awam merupakan satu sistem di mana sejumlah wang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk diagihkan kepada parti-parti politik mengikut formula yang ditetapkan adalah kaedah pengamalan di negara maju sepertimana di Jerman mahupun United Kingdom. Senario di Malaysia kaedah pembiayaan politik masih diperingkat awalan kajian dan penandaarasan mengikut libat urus penandaaras antarabangsa di United Kingdom pada 16 hingga 20 Oktober 2023.
2. Pada ketika ini negara Malaysia masih belum mempunyai Akta berkaitan Pendanaan Politik dan apa-apa kes perundangan berkaitan pendanaan politik buat masa ini masih tertakluk antara lain, kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Wang Haram 2001 [*Akta 613*].
3. Dimaklumkan bahawa di waktu pilihanraya dan pemilihan parti adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada seperti Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*] bagi memantau perbelanjaan calon pilihan raya sahaja dan bukannya bukannya perbelanjaan parti. Disamping itu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) menetapkan supaya setiap pertubuhan termasuk parti politik untuk mengemukakan penyata kewangan kepada ROS.
4. Dalam mengorak langkah ke hadapan bagi memastikan komitmen Kerajaan ini dipenuhi, sebagaimana dinyatakan dalam Memorandum Jemaah Menteri daripada YAB Perdana Menteri, pada 8 September 2023, bahawa pengubalan RUU ini perlu diperhalusi dengan sangat

teliti agar RUU tersebut dapat mencapai tujuannya untuk mengawal selia pendanaan politik secara menyeluruh dan berkesan. Mesyuarat selanjutnya dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Parlimen Kelima Belas (JKPK) pada sesi kedua parlimen akan dirancang agar kesinambungan perbincangan berkenaan pendanaan politik dapat diperincikan.

5. Dalam hal ini, sebarang inisiatif kearah pengubalan RUU Pendanaan Politik harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar ia mencapai objektif sebenar iaitu bagi mengatasi masalah ketirisan yang secara tidak langsung dapat memantapkan integriti dan tata kelola yang baik demi kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan-cadangan reformasi institusi oleh Kerajaan dalam tempoh 3 tahun yang akan datang. Bilakah pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan pilihan raya pihak berkuasa tempatan akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hala tuju reformasi institusi di Malaysia secara keseluruhannya mempertimbangkan penetapan dasar yang jelas melalui sesi libat urus yang holistik dan komprehensif. Inisiatif ini akan melibatkan usaha reformasi merentas Kementerian/Jabatan/Agensi yang mana pelbagai agensi termasuk Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM) adalah terlibat sama.
2. Sehingga kini terdapat pelbagai reformasi institusi yang telah dilaksanakan antaranya adalah:
  - (a) Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori dan penggubalan undang-undang khusus bagi semakan terhadap banduan-banduan hukuman mati mandatori dan sepanjang hayat;
  - (b) Pindaan kepada Akta Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676];
  - (c) Pindaan kepada Kanun keseksaan [Akta 574] dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] bagi memperuntukan menghendap sebagai satu kesalahan;
  - (d) Pindaan kepada Kanun keseksaan dan kanun Tatacara Jenayah begi dikriminalisasi percubaan membunuh diri;
  - (e) Penggubalan Akta Kekebalan Bidang Kuasa Asing 2024 [Akta 853]; dan
  - (f) Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597].
3. Selain yang disebut diatas terdapat juga reformasi institusi yang telah dirancang dalam masa yang terdekat seperti berikut:

- (a) Kajian Empirikal mengenai Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya;
  - (b) Penggubalan perundangan berkaitan dengan pendanaan politik;
  - (c) Penggubalan perundangan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Parlimen;
  - (d) Semakan perundangan berkaitan pilihan raya;
  - (e) Penggubalan perundangan Kebebasan Maklumat;
  - (f) Penubuhan Ombudsman Malaysia; dan
  - (g) Pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [*Akta 711*].
4. Di samping itu, hala tuju reformasi institusi di Malaysia turut mengambil kira sumber yang mencukupi seperti sumber kewangan, sumber manusia, dan sokongan logistik. Pertimbangan juga turut diberikan kepada penetapan garis masa yang jelas, rasional dan boleh dijayakan.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 31 Januari 2024 telah bersetuju, antara lain, dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif dan Pasukan Petugas Teknikal bagi melaksanakan kajian empirikal tersebut secara berfasa dengan garis masa selama dua (2) tahun. Kajian Empirikal ini penting kerana kajian desktop berdasarkan sumber terbuka tentang amalan terbaik global yang meliputi sembilan (9) buah negara, iaitu United Kingdom, India, New Zealand, Australia, Kanada, Afrika Selatan, Ireland, Kenya dan Amerika Syarikat telah dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara setakat ini adalah terhad dan terdapat maklumat penting yang tidak dapat diperolehi melalui sumber terbuka.
6. Sehubungan itu, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memilih tiga (3) buah negara untuk mengadakan kajian empirikal, iaitu UK, Australia dan Kanada. Lawatan Kerja ke Kanada yang merangkumi Ottawa dan Toronto telah diadakan dari 6 hingga 9 Mei 2024. Lawatan ke Australia yang merangkumi Melbourne dan



Canberra telah diadakan pada 3 hingga 6 Jun 2024. Lawatan Kerja ini diketuai oleh saya sendiri dan disertai oleh:

- (a) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi;
- (b) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU, JPM); dan
- (c) Peguam Negara (AGC).

7. Semasa Kajian Empirikal juga, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memperoleh maklumat dan data yang komprehensif serta menyeluruh termasuk perkara-perkara teknikal dan spesifik serta perkara-perkara generik yang memberi penekanan kepada dengan izin "*big picture*" dalam pelaksanaan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di negara kita. Negara terakhir yang akan dikaji oleh Pasukan Petugas Khas Komperatif ialah United Kingdom sebagai penutup kepada kajian empirikal.
8. Selain itu, kajian saintifik berdasarkan perspektif sains kemasyarakatan pandangan umum ke atas pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya sedang dijalankan bagi tempoh enam (6) bulan. Bagi tujuan ini Kerajaan akan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia untuk melaksanakan kajian saintifik ini. Kajian ini akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum, agensi penguatkuasaan, pakar-pakar berkaitan dan kerajaan negeri. Kajian ini juga akan merangkumi pengumpulan dan analisis data dan maklumat daripada pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah penyelidikan seperti perbincangan kumpulan tersasar, dengan izin, *focus group discussion*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkara-perkara melibatkan usaha Transfer of Technology (ToT) daripada Syarikat STM Savunma dari Turkiye kepada pemain industri tempatan berkait anugerah kontrak pembinaan Kapal *Littoral Mission Ship* (LMS) Batch 2 untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah menyerahkan Surat Setuju Terima bagi perolehan *Littoral Mission Ship Batch ke Dua* (LMS-B2) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kepada pihak syarikat Savunma Teknolojileri Mühendislik (STM) yang berpangkalan di Turkiye pada 10 Jun 2024 dengan nilai kontrak perolehan sebanyak EURO536.5 juta. Kapal LMS-B2 ini dijangka akan diserahkan kepada Kerajaan pada penghujung tahun 2027.

Berdasarkan nilai tersebut, perolehan ini tertakluk kepada Pekeliling Perolehan Kerajaan 1.7 (PK1.7) mengenai Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Program - ICP*) dalam Perolehan Kerajaan yang merupakan program berbentuk nilai tambah dan *Transfer of Technology* (ToT) yang disyaratkan bagi membangunkan teknologi industri dan ekonomi yang dikenal pasti oleh Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertahanan telah membuat lawatan rasmi ke Turkiye dan memaklumkan kepada Agensi Industri Pertahanan Turkiye yang juga merupakan pemegang saham syarikat STM ini supaya perbincangan lanjut diadakan bagi memastikan program ICP dapat dilaksanakan dalam tempoh kontrak dengan nilai yang ditetapkan. Kementerian Pertahanan akan memastikan perjanjian ICP dimuktamadkan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHOW KON YEOW (BATU KAWAN)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan penggubalan Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender dan sejauh mana kerangka perundangan ini tersedia. Apakah usaha Kementerian dalam melaksanakan belanjawan responsif gender (GRB) di bawah Agenda Keterangkuman dalam Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2025 termasuk dengan mengambil kira keterlibatan umum serta pihak-pihak berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memegang teguh prinsip kesaksamaan gender seperti yang termaktub dalam Perkara 8 (2), Perlembagaan Persekutuan dan mendukung obligasi negara di peringkat antarabangsa seperti Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women - CEDAW*), prinsip-prinsip dalam Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*) khususnya Matlamat 5.
2. Dalam hal ini, KPWKM juga sedang meneliti lanjut keperluan penggubalan Rang Undang-Undang Antidiskriminasi Terhadap Wanita bagi memastikan ianya tidak bertindihan dengan perundangan sedia ada. Sebelum ini, ia dikenali sebagai Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender.
3. Selain daripada itu, penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Kerajaan secara berterusan melalui pembaharuan struktural, antaranya melibatkan penggubalan akta baharu seperti Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*] serta pindaan akta sedia ada seperti Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 dan Kanun Keseksaan untuk menghapuskan dan mencegah diskriminasi dan ketidakadilan gender yang dihadapi di tempat kerja awam, swasta, dan institusi pembelajaran. Pembaharuan struktural ini secara langsung telah menyediakan platform pengaduan untuk semua pihak yang berkaitan sama ada menerusi Tribunal atau Mahkamah.
4. KPWKM pada tahun 2022 juga telah melantik *Gender Focal Point* (GFP) serta menubuhkan *Gender Focal Team* (GFT) di peringkat Kementerian dan Agensi masing-masing sebagai salah satu langkah dalam memastikan lensa gender sentiasa diberi perhatian dalam setiap penggubalan dasar dan pelaksanaan program.

5. KPWKM sentiasa mempromosi dan menggalakkan pelaksanaan bajet responsif gender (GRB) di setiap Kementerian dan Agensi. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan menerusi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 1.3) – Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2025 telah memberikan penekanan terhadap penggunaan analisis gender dan penyediaan data mengikut gender dalam penyediaan peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan di peringkat Kementerian dan Agensi masing-masing.

6. Sebagai peneraju inisiatif GRB ini, Kementerian Kewangan juga telah menganjurkan bengkel pembangunan kapasiti (*Gender-Responsive Budgeting in Practice – GRBiP*) dengan kerjasama *Gender Budget Group* (GBG). Ia bertujuan untuk menilai kefahaman dan meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai kerajaan berhubung pelaksanaan bajet responsif gender.

7. Selain daripada itu, Jabatan Perangkaan Malaysia juga telah menambahbaik penyediaan dan pengumpulan data mengikut jantina (*sex-disaggregated data*) daripada Kementerian dan Agensi sebagai langkah untuk memudahkan analisis gender dilaksanakan bagi menyokong inisiatif GRB.

8. Pada masa yang sama, KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri selaku jentera penggerak giat melaksanakan program dan inisiatif yang berkaitan ke arah mencapai kesaksamaan gender.

9. Usaha berkaitan kesaksamaan gender ini bukanlah hanya di bawah tanggungjawab KPWKM semata-mata tetapi ia merupakan isu merentas Kementerian/Agensi yang memerlukan penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengurangkan hukuman RUU 355 daripada cadangan asal pindaan 30 tahun penjara kepada 15 tahun, denda daripada RM100,000 kepada RM40,000 dan 100 sebatan kepada 40 sebatan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar bagi Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2022 tidak sempat untuk dibentangkan di Parlimen kerana terdapat perubahan Kerajaan selepas PRU-15.
2. Oleh itu, Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan pindaan tersebut perlu dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan persetujuan dasar Kerajaan yang baharu.
3. Bagi maksud tersebut, beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan telah dibuat untuk mendapatkan pandangan terhadap pindaan yang dicadangkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 iaitu sesi libat urus bersama Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri, Ketua Pendakwa Syarie Negeri-Negeri dan Ketua Penguatkuasa Agama Negeri-Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi memastikan pindaan yang akan dibuat kelak mengambil kira semua aspek termasuklah konsep ta'dib dalam Islam dan selaras dengan prinsip maqasid syariah.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam juga akan meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Laporan hasil kajian oleh Jawatankuasa Khas ini juga akan diambil kira dalam menggubal pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.



## NO. SOALAN: 67

5. Cadangan pindaan kepada kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja (MRR) untuk diperkenankan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk persetujuan dasar sebelum dibentangkan di Parlimen. Setakat ini, had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah masih dalam peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan.
6. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu akta baharu iaitu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah. Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri bagi memastikan hasrat untuk pemerksaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan kebebasan media di Malaysia untuk mengelakkan berulangnya kejatuhan mendadak kedudukan negara dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak, sebaliknya harus dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika, dan mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia. Kebebasan media hendaklah didokong dengan kod etika bagi memastikan ia tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Antara strategi bagi meningkatkan semula keyakinan rakyat terhadap amalan kebebasan media, Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) telah membangunkan Kod Etika Wartawan Malaysia yang bertujuan untuk mengangkat martabat media dengan memastikan maklumat yang disampaikan adalah bersandarkan Etika Kewartawanan Malaysia (EKM) 1989 seperti yang telah digariskan sebelum ini.

Selain itu, dalam memperkasa media di negara ini termasuk memberikan lebih kebebasan dalam melaksanakan tugas, Kementerian Komunikasi sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kandungan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia bersama Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia yang terdiri daripada wakil industri media, ahli akademik dan pihak awam. MMM bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan yang memperkasakan profesion kewartawanan negara dan memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab.

Fungsi MMM juga termasuklah menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam secara amnya serta menyokong pembangunan profesional wartawan dan organisasi media. Dari segi kuasa pula, MMM akan mewujudkan piawai kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab termasuk tatakelakuan untuk industri media. Di samping itu, MMM juga akan mewujudkan mekanisme

penyelesaian pertikaian yang cekap dalam mempertimbangkan serta menyiasat aduan berhubung dengan industri media untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap pengamal media.

Dalam usaha menjaga kepentingan dan kebebasan media di Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mengamalkan konsep liputan berimbang dan bertanggungjawab tanpa mengambil kira fahaman politik dan subjek liputan serta mengutamakan faedahnya kepada rakyat dan negara asalkan ia tidak melibatkan provokasi kepada mana-mana pihak. Ia sesuai dengan amalan yang digariskan oleh Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan RTM sejak 2003 (semakan 2023) yang menggariskan keutamaan nilai berita serta memuatkan pandangan pro dan kontra semua pihak. Ia juga seiring dengan matlamat memberi kebebasan untuk penyiar berkarya dan berkreativiti tetapi pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

BERNAMA pula sebagai agensi pertubuhan berita nasional tidak pernah menyekat mana-mana pihak dalam menyampaikan maklumat, tetapi mengambil tanggungjawab besar dalam bertindak mengekang dan membendung penyebaran berita yang tidak benar. Sekiranya terdapat kandungan maklumat atau berita palsu, tindakan boleh diambil menggunakan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972 atau Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[SIK]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dapatan terkini usaha untuk penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah dan sivil terutamanya daripada sudut enakmen jenayah syariah, pentadbiran Islam dan keluarga Islam yang digerakkan oleh Jawatankuasa Khas di bawah MKI.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, usaha ke arah penyeragaman undang-undang Syariah diletakkan di bawah Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan (JPIK) yang merupakan salah satu Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Peraturan 7 Peraturan-Peraturan MKI 2022 untuk memperkasakan peranan MKI dalam aspek perundangan syariah. JPIK bermesyuarat secara berkala dan Mesyuarat terkini dicadangkan untuk diadakan pada 25 Jun 2024.
2. Objektif penubuhan JPIK ini adalah untuk menambah baik, menyelaraskan dan menggalakkan penyeragaman undang-undang syariah antara negeri-negeri dan pengharmonian antara undang-undang syariah dengan undang-undang sivil bagi memastikan kedua-dua sistem perundangan dapat dimartabatkan dan saling melengkapi.
3. Sehingga kini, lapan (8) undang-undang telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan iaitu
  - (a) draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf);
  - (b) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (pindaan berbangkit daripada wakaf);
  - (c) Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan);
  - (d) Rang Undang-Undang Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Doktrin Atau Kepercayaan Agama Dalam Kalangan Orang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan);

- (e) Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Zakat);
  - (f) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (pindaan berbangkit daripada zakat);
  - (g) draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Hibah); dan
  - (h) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (pindaan berbangkit daripada hibah).
4. Kerajaan juga melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sentiasa mengadakan rundingan dan perbincangan dengan negeri-negeri dari semasa ke semasa bagi maksud penyelarasan dan penyeragaman undang-undang syariah di Malaysia melalui platform Majlis Dialog Perundangan Islam Kebangsaan. Pandangan dan maklum balas daripada negeri-negeri akan diambil kira dalam menambah baik peruntukan undang-undang syariah yang sedia ada.
5. Perkara ini merupakan antara usaha dan komitmen Kerajaan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang syariah antara negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** tentang apakah respon Kementerian terhadap jumlah kelahiran yang semakin merosot dengan penurunan 9.4% yang bakal memberi impak kepada bekalan tenaga dan bakat dalam pasaran dan ekonomi Malaysia dalam keadaan negara menuju status negara menua tahun 2030.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, isu penurunan kadar kesuburan menjadi satu isu global terutamanya dalam kalangan negara maju dan membangun. Mengikut unjuran United Nations (*Population Data Sheet*, ESCAP, 2022), beberapa negara di Asia dan Pasifik seperti Hong Kong (0.8), Jepun (1.3), Republic of Korea (0.9), Brunei (1.9), Australia (1.6), New Zealand (1.8), Singapura (1.0) dan Thailand (1.3) telah mencatatkan kadar kesuburan yang amat rendah iaitu berada di bawah paras penggantian. Malah Indonesia (2.2) yang berkepadatan penduduk 275 juta juga kini hanya mencatatkan kadar kesuburan menghampiri paras penggantian.

2. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkaitan Perangkaan Demografi menunjukkan jumlah kelahiran di Malaysia sehingga suku tahun pertama 2024 merekodkan penurunan sebanyak 9.4 peratus, iaitu 106,386 kelahiran berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023. Penurunan jumlah kelahiran hidup di Malaysia sememangnya telah mencatatkan arah aliran penurunan sejak tahun 2012. Jumlah kadar kelahiran juga berkait rapat dengan kadar kesuburan jumlah (*Total Fertility Rate - TFR*) yang menunjukkan penurunan yang semakin ketara. Berdasarkan laporan yang diterbitkan dalam Laporan Perangkaan Penting 2023 oleh DOSM, TFR di Malaysia menunjukkan penurunan daripada 2.1 orang anak pada tahun 2010 kepada 1.6 orang anak pada tahun 2022. Situasi ini menunjukkan TFR di Malaysia telah berada di bawah paras penggantian iaitu 2.1 orang anak.

3. Dari segi struktur umur penduduk, penurunan kadar kesuburan telah menyebabkan peratusan penduduk umur muda (0 hingga 14 tahun) semakin menurun kepada 22.6 peratus (2023) berbanding 44.5 peratus pada 1970. Negara akan berhadapan dengan cabaran penguncupan (*contraction*) tenaga buruh sekiranya berlaku penurunan dalam kadar kesuburan secara berterusan. Walaupun ketika ini negara masih menikmati komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) yang terus meningkat kepada 70.0 peratus pada tahun 2023 berbanding 55.2 peratus pada 1970, namun peningkatan penduduk kumpulan umur 'aktif

## SOALAN NO : 70

ekonomi' ini adalah kesan daripada dividen demografi pertama yang dikecapi negara ketika ini yang perlu dioptimumkan sebelum ia berakhir. Sekiranya pengurangan penduduk kumpulan umur bekerja ini mula berlaku, negara mungkin akan terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh tempatan.

4. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada penurunan TFR. Ini termasuklah faktor ekonomi serta cara gaya hidup yang antaranya boleh mempengaruhi keputusan pilihan umur untuk berkahwin, bilangan anak dan sebagainya. Pada masa yang sama, masalah ketidaksuburan turut boleh mempengaruhi kadar TFR.

5. Bagi memberi respon terhadap masalah ketidaksuburan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuklah:

- (i) Menawarkan perkhidmatan rawatan kesuburan/ subfertiiliti sejak tahun 1979 pada kos yang berpatutan. Semua pasangan berkahwin layak mendapatkan rawatan dan sehingga tahun 2023, lebih 6,000 kehamilan telah berjaya direkodkan;
- (ii) Klinik kesejahteraan lelaki yang menawarkan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan gaya hidup sihat serta rawatan ubat untuk membantu meningkatkan kesuburan lelaki bagi mengatasi masalah ketidaksuburan dalam kalangan lelaki yang semakin meningkat;
- (iii) Mengadakan aktiviti advokasi dan promosi dalam memberi kesedaran kepada masyarakat, khususnya kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan untuk tampil mendapatkan khidmat nasihat dan rawatan kesuburan seawal mungkin tanpa rasa segan;

## SOALAN NO : 70

- (iv) Memberi inisiatif kepada pasangan dalam mendapatkan rawatan kesuburan dengan pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan sehingga RM8,000;
- (v) Pengeluaran wang caruman Akaun 2 KWSP untuk tujuan rawatan kesuburan bermula 1 September 2020;
- (vi) Menyediakan kemudahan tuntutan daripada majikan bagi perbelanjaan rawatan kesuburan kepada penjawat awam bermula tahun 2009; dan
- (vii) Menyalurkan subsidi yuran pengasuhan taska sebanyak RM180 seorang bagi anak berumur 4 tahun ke bawah kepada penjawat awam yang layak.

6. Terkini, KPWKM melalui LPPKN telah diberi mandat untuk menubuhkan Pusat Subfertiliti Negara yang dilengkapi dengan segala kemudahan rawatan kesuburan di bawah satu bumbung bagi memberi perkhidmatan kesuburan yang serba moden dengan kos yang berpatutan. Pusat Subfertiliti Negara ini akan dibangunkan di Shah Alam, Selangor dan akan menjadi pusat rujukan perkhidmatan kesuburan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengukuhkan kebebasan bersuara di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan, terutamanya dalam melibatkan pemindaan atau pemansuhan akta-akta yang dipersepsikan sebagai menyekat kebebasan bersuara seperti Akta Hasutan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Fungsi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], khususnya peruntukan Seksyen 233, adalah untuk melindungi pengguna internet di Malaysia daripada kandungan yang memudaratkan, iaitu kandungan bersifat lucah, sumbang, palsu, jelik, dan mengancam. Di bawah peruntukan yang sama juga, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berperanan untuk memberikan bantuan teknikal kepada pihak penguatkuasaan yang lain seperti sekatan dan penurunan kandungan yang dikenal pasti telah melanggar undang-undang yang ditetapkan.

Peruntukan tersebut dilihat masih relevan dalam memastikan penggunaan hak kebebasan bersuara seperti yang termaktub di bawah Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan digunakan secara berhemah dan tidak melampaui batas sehingga menggugat keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat. Oleh demikian, tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh MCMC adalah demi menjaga keseimbangan antara kebebasan bersuara dan perlindungan masyarakat secara keseluruhan.

MCMC sentiasa mengambil tindakan proaktif memantau isu-isu yang diperkatakan dalam persekitaran media sosial di Malaysia yang melibatkan kepentingan awam, jenayah, salah guna, ancaman, provokasi, dan sebagainya. Suruhanjaya ini bekerjasama rapat dengan platform media sosial dan agensi penguatkuasaan lain dalam memastikan persekitaran dalam talian yang selamat.

Bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 1 Jun 2024, sebanyak 67,935 kandungan media sosial telah diturunkan kerana dikenal pasti telah melanggar standard komuniti yang ditetapkan oleh pihak penyedia platform serta pelbagai undang-undang negara. Daripada jumlah tersebut, tindakan penurunan tiga tertinggi adalah membabitkan kandungan perjudian iaitu 58.78%, penipuan termasuk akaun palsu dan penyamaran 16.62%, dan palsu 13.7%. Namun ingin ditegaskan bahawa penurunan yang dilakukan adalah tertakluk kepada pertimbangan oleh penyedia

## SOALAN NO: 71

platform itu sendiri berdasarkan penilaian mengikut standard komuniti yang telah ditetapkan.

Dalam masa yang sama pihak MCMC turut mempertingkatkan usaha dan pemantapan strategi dengan memperbanyakkan lagi program-program advokasi dan kesedaran melibatkan masyarakat awam di seluruh negara termasuklah pengamal media bagi memperkukuhkan sifat kebertanggungjawaban dalam penghasilan dan penyebaran sesuatu maklumat. Antara usaha MCMC adalah inisiatif keselamatan Internet Klik Dengan Bijak, Sukarelawan ICT Malaysia, dan portal semak fakta Sebenarnya.my.

Para pengamal media juga disyorkan untuk merujuk kepada Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia 2022 atau Kod Kandungan terbitan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) yang memberikan panduan jelas berhubung standard kandungan yang selaras dengan Akta 588 termasuk aspek-aspek seperti kesopanan, ketertiban, dan kandungan yang tidak menyinggung sensitiviti agama, kaum, serta budaya tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR  
MAS ]  
TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengetatkan syarat-syarat sewaan khas (*Charter Train*) agar tidak disalahgunakan bagi tujuan menganjurkan konsert liar yang tidak bersesuaian dengan norma masyarakat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon agar pertanyaan ini dijawab bersekali dengan soalan nombor 49 bertarikh 24 Jun 2024 daripada YB Pokok Sena.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan *Charter Train* yang dikendalikan oleh KTMB adalah merupakan perkhidmatan tren sewa khas kepada pelanggan seperti syarikat berkaitan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan, syarikat swasta dari dalam dan luar negara serta persatuan-persatuan. Aktiviti yang direncanakan di dalam tren sewa khas ini ditentukan oleh pihak pelanggan mengikut garis panduan, terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KTMB.
3. Merujuk kepada isu *Charter Train* pada 16 Mei 2024 yang membuat perjalanan dari stesen Kuala Lumpur ke Serendah, KTMB telah menetapkan terma dan syarat seperti larangan merokok, pengambilan alkohol, penyalahgunaan dadah dan tidak melakukan perkara yang boleh melanggar undang-undang. Pelanggan tersebut telah bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KTMB.
4. Mengambil maklum berkaitan isu tersebut, KTMB juga telah menambahbaik dan mempertingkatkan garis panduan serta terma dan syarat perkhidmatan tren sewa khas ini demi kepentingan orang awam dan syarikat.
5. Antara penambahbaikan garis panduan, terma dan syarat perkhidmatan tren sewa khas ini adalah meliputi semakan dan penyeliaan oleh seorang kakitangan kanan sepanjang aktiviti-aktiviti dan program yang dijalankan oleh pelanggan di dalam *Charter Train* supaya sentiasa mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LO SU FUI [ TAWAU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI [ TAWAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme memastikan Sabah boleh mengoptimumkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Sabah hanya mampu membelanjakan lebih kurang 20% peruntukan keseluruhan yang bernilai berbilion disebabkan kekangan masa dan karenah birokrasi yang menyebabkan banyak projek tertangguh dan kemunduran.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan pembangunan di seluruh negara berjalan dengan lancar agar peruntukan yang disalurkan dapat dibelanjakan secara optimum dan ianya dilaksanakan selaras dengan **Arahan No.1 Tahun 2023: Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara** yang merangkumi platform di peringkat negeri seperti **Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg)**, **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg)** dan **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah/ Bahagian (JTPD / JTPB)**.

2. Bagi negeri Sabah, isu-isu berkaitan pelaksanaan program / projek pembangunan dibincang dan diputuskan tindakan bersesuaian dalam MTPN<sub>g</sub> Sabah yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Sabah, JTPN<sub>g</sub> yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan JTPD yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa ini turut dihadiri oleh ketua jabatan/ agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Daerah mengikut kesesuaian. Di peringkat JTPD, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut dilibatkan mengikut kesesuaian. Penyelarasan, pemantauan dan intervensi ke atas isu-isu berkaitan pelaksanaan program / projek pembangunan sentiasa dilaksanakan secara bersama antara Kementerian / Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui sesi mesyuarat dan libat urus yang diadakan secara berkala.

3. Seterusnya, antara langkah lain yang telah diambil bagi mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan di Sabah adalah melalui pengiktirafan **Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah** dan **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah** sebagai **Jabatan Teknik** bagi melaksanakan semua projek yang bernilai RM50 juta dan ke bawah di bawah **Arahan Perbendaharaan (AP) 182** yang telah berkuat kuasa pada 1 Mac 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024  
24 JUN 2024 – 18 JULAI 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM [ KULIM BANDAR  
BAHARU]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

**TUAN ROSLAN BIN HASHIM [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah rakyat negara ini yang terbabit dengan Haji DIY. Apakah tindakan yang akan diambil kepada agensi yang menyediakan Haji DIY dan langkah proaktif bagi memastikan jemaah tidak terpedaya ketika ingin melakukan ibadah haji.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, urusan haji adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Tabung Haji, sepertimana yang termaktub di bawah Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535]. Seksyen 27, Akta Tabung Haji menyatakan Pengelola Jemaah Haji (PJH) perlu memegang lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH).
2. Pada tahun 2024, LTH telah melesenkan 25 agensi pelancongan yang mempunyai lesen Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sebagai Pengelola Jemaah Haji untuk menguruskan pemergian jemaah haji ke Tanah Suci.
3. Haji DIY bermaksud jemaah haji membuat urusan ibadah haji kebanyakannya dengan sendiri tanpa membayar pakej bagi urusan haji kepada pihak lain seperti pengurusan visa haji, tiket pengangkutan, penginapan dan sebagainya. Mungkin satu atau dua perkara sahaja jemaah haji perlu bayar kepada orang tengah tetapi bukan hal asasi.
4. Walau bagaimanapun, sebagai usaha membendung isu-isu salah laku berhubung agensi yang menyediakan Haji DIY, MOTAC bekerjasama dengan pihak LTH dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar siasatan dan hukuman boleh diambil di bawah Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].
5. Sekiranya melibatkan agensi pelancongan berlesen MOTAC, tindakan yang boleh diambil adalah menggantung atau membatalkan lesen. Sekiranya agensi bukan dalam kalangan 25 Pengelola Jemaah Haji (PJH) berlesen yang mengiklankan dan menawarkan pakej haji, ia adalah di bawah tindakan LTH berdasarkan Seksyen 27, Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].
6. Sehingga 13 Jun 2024, MOTAC menerima aduan daripada LTH mengenai 20 agensi pengendali umrah yang mengiklankan pakej haji tanpa lesen PJH dan telah memberikan surat amaran kepada agensi berkenaan.

## **NO. SOALAN : 74**

Ops Haji 2024 bersama dengan pihak PDRM yang sedang dilaksanakan dari 10 hingga 21 Jun 2024 di KLIA juga belum mendapati mana-mana agensi pelancongan berlesen MOTAC yang terlibat.

7. Langkah proaktif yang diambil oleh LTH, Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah dan agensi Kerajaan yang berkaitan adalah sering mengingatkan rakyat Malaysia untuk menunaikan haji dengan saluran dan proses yang betul serta berlandaskan hukum syarak agar mendapat haji yang mabrur.

8. Kerajaan Arab Saudi juga mengumumkan penguatkuasaan penalti sebanyak SAR10,000 berkuat kuasa mulai 2 Jun hingga 20 Jun 2024 bagi pelanggaran peraturan dan arahan musim haji termasuk memasuki tujuh (7) kawasan tanpa permit haji iaitu Makkah, Wilayah Tengah, Masyair, stesen kereta api Haramain di Rusayfah, pusat kawalan keselamatan, pusat pengasingan dan pusat kawalan keselamatan sementara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan permohonan petisyen penyemakan semula hukuman mati telah didengar di hadapan Mahkamah Persekutuan serta bilangan hukuman mati yang dikekalkan bagi tempoh 14 November 2023 hingga 31 Mei 2024.

**JAWAPAN****YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [*Akta 847*] telah mula berkuat kuasa pada 12 September 2023. Setakat 31 Mei 2024, jumlah permohonan semakan hukuman mati yang telah diterima oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan, jumlah yang telah ditetapkan pendengaran dan yang telah selesai adalah seperti berikut:

| <b>Permohonan Semakan Hukuman Mati</b> | <b>Permohonan yang telah ditetapkan pendengaran</b> | <b>Permohonan selesai</b> |
|--|---|---------------------------|
| 936                                    | 706   | 474                       |

2. Daripada 474 permohonan semakan hukuman mati yang telah selesai, sebanyak 19 permohonan semakan telah ditolak dan hukuman mati dikekalkan antaranya melibatkan pertuduhan membunuh lebih daripada seorang mangsa atau melibatkan mangsa kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR**  
**[ SETIU ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah memastikan kadar tambang KLIA Ekspres dan KLIA Transit tidak melambung naik susulan perjanjian konsesi tambahan yang tidak lagi mengandungi klausa pampasan sekiranya permohonan kenaikan tambang tidak diluluskan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Perjanjian Konsesi Tambahan tersebut, kerajaan tidak lagi membayar apa-apa bayaran caj atau fi dari sumber pendapatan Passenger Service Charge (PSC) kepada pihak Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERLSB) bermula tahun 2029.
2. Pihak ERLSB pula dibenarkan untuk melaksanakan kadar tambang berdasarkan pertimbangan pasaran (market driven fare) yang akan diimbangi oleh faktor persaingan. Untuk kekal kompetitif, ERLSB perlu mengambil kira kadar tambang perkhidmatan mod lain seperti bas, *e-hailing* dan perkhidmatan rel yang lain (seperti MRT Laluan Putrajaya) yang menyediakan pengangkutan alternatif kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [SEMBRONG]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berdasarkan lima strategi untuk meningkatkan sistem pertahanan negara, apakah kemajuan dalam mengintegrasikan AI dalam strategi-strategi tersebut termasuk proses merekrut anggota berkebolehan dan pembangunan dan perkembangan industri pertahanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah menggariskan keperluan untuk mereformasikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjadi sebagai satu angkatan masa hadapan yang berasaskan teknologi. Penggunaan *artificial intelligence* (AI) dilihat menjadi satu elemen penting dalam membentuk sebuah angkatan masa hadapan. Justeru itu, pendekatan AI akan dimasukkan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal KPP yang sedang berjalan bagi memberikan panduan yang jelas mengenai penggunaan AI dalam pertahanan negara.

Pada masa sama, penggunaan sistem *artificial intelligence* (AI) dan *autonomous system* adalah bidang-bidang yang sedang dibangunkan oleh pihak ATM. Sehubungan dengan ini juga, pihak ATM telah mengorak langkah dalam menyediakan ekosistem AI. Antara langkah awal adalah

dengan memanfaatkan Platform Pembelajaran Kendiri secara atas talian yang disediakan oleh Kerajaan melalui *ai.gov.my*. Inisiatif ini adalah untuk menyediakan warga ATM yang mempunyai pengetahuan asas dalam aspek AI.

Sebagai langkah seterusnya, Kementerian melalui ATM akan menyediakan Pelan Strategik AI yang akan dibangunkan menjelang akhir tahun 2024. Pihak ATM akan terus membangunkan kemahiran sumber manusia dalam bidang-bidang seperti AI dan *Emerging Technologies* yang lain termasuk menggalakkan penyertaan rakyat ke dalam perkhidmatan ATM berdasarkan kelulusan yang bersesuaian di samping menggalakkan penyertaan golongan profesional dalam bidang berkaitan melalui pasukan simpanan.

Wakil dari ATM khususnya dari Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) juga sentiasa aktif dalam menyertai seminar di peringkat serantau dan antarabangsa berkaitan AI seperti *Regional Consultations (Asia) on Responsible AI in the Military Domain (REAIM)* dan *REAIM Summit* di Belanda dan yang akan datang di Korea Selatan.

Selaras dengan perubahan dan perkembangan teknologi terkini termasuk AI, industri pertahanan negara juga digalakkan untuk berkembang serta turut terlibat dalam menerokai teknologi-teknologi terkini untuk kegunaan pasaran tempatan dan juga di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan jangka pendek pihak Kementerian khususnya dalam menambah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) sebanyak 186 buah lagi sepanjang tahun ini dan adakah sudah termasuk sekali di Parlimen Pasir Puteh dengan tujuan untuk menjana sosioekonomi setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 1 Jun 2024, terdapat 932 Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang sedia ada dan beroperasi di seluruh negara. Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengumumkan penambahan 186 buah NADI baharu di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI bagi memastikan setiap DUN mempunyai sekurang-kurangnya 1 NADI untuk dimanfaatkan oleh komuniti setempat. Dengan pertambahan ini, ia menjadikan sebanyak 1,097 NADI beroperasi di seluruh negara sebelum akhir tahun 2024.

Setakat 1 Jun 2024, terdapat sejumlah 72 NADI sedang beroperasi di Kelantan di mana enam daripada NADI ini berada di bawah Parlimen Pasir Puteh. Pecahan enam NADI sedia ada dan beroperasi di Parlimen Pasir Puteh mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti berikut:

| <b>Kawasan DUN di Parlimen Pasir Puteh</b> | <b>Bilangan NADI sedia ada dan beroperasi</b> |
|--|---|
| Semerak                                    | 3   |
| Gaal                                       | 1   |
| Limbongan                                  | 1   |
| Selising                                   | 1   |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>6</b>                                      |

Penambahan 186 NADI baharu adalah tertumpu di kawasan DUN yang tiada NADI. Daripada 186 NADI baharu ini, sebanyak tujuh buah NADI sedang dalam fasa pelaksanaan di Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**  
**[ PASIR GUDANG ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi dari pelaksanaan subsidi diesel bersasar dan bagaimana cara untuk mengatasinya supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tujuan utama penyasaran subsidi diesel secara bersasar adalah untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara di samping membendung isu ketirisan dan penyelewengan diesel bersubsidi secara pukal di stesen minyak di seluruh negara.

Penyasaran subsidi diesel kepada kumpulan sasar yang tepat dianggarkan mampu memberi penjimatan sebanyak RM4 bilion kepada Kerajaan pada tahun 2024 sekiranya dilaksanakan, dalam usaha Kerajaan membantu meringankan beban sara hidup rakyat.

Dalam hal ini, Kerajaan telah mengenalpasti kumpulan sasar yang dianggap mampu membantu rakyat menangani kos sara hidup seperti syarikat pengangkutan awam dan barangan melalui pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) menggunakan Sistem Pengurusan Fleet Card, individu yang menggunakan kenderaan diesel persendirian dan juga petani serta pekebun kecil melalui bantuan tunai BUDI MADANI.

Untuk makluman, Sistem Pengurusan Fleet Card adalah satu sistem untuk memantau dan mengawal perbelanjaan diesel kenderaan oleh syarikat pengangkutan. Syarikat boleh memohon untuk mendapatkan *fleet card* daripada syarikat minyak pilihan setelah membuat permohonan di Sistem MySubsidi Diesel kelolaan KPDN. Pada masa ini, hanya syarikat minyak PETRONAS, Shell, Petron, Caltex dan BHP yang terlibat dengan penyasaran subsidi diesel kerana mereka telah bersedia dengan Sistem Pengurusan Fleet Card untuk SKDS 1.0 kepada 10 jenis kenderaan awam.

Untuk makluman, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mula melakukan projek rintis Sistem Pengurusan Fleet Card pada 1 Februari 2024 yang lalu dengan pemilihan syarikat pengangkutan adalah berdasarkan syarikat pengangkutan barangan yang menerima diesel bersubsidi melalui *skid tank*.

Pada 7 Mac 2024, KPDN telah membuka permohonan kepada semua syarikat pengangkutan yang mempunyai 9 jenis kenderaan yang layak di Semenanjung Malaysia. Seterusnya, pada 13 Mei 2024, berdasarkan libat urus dan maklumbalas yang diterima oleh Kerajaan, Kerajaan telah memutuskan untuk memperluaskan 14 jenis kenderaan pengangkutan barangan untuk memastikan tiada kumpulan sasar yang tertinggal.

Seterusnya, syarikat pengangkutan awam dan barangan yang mempunyai kenderaan daripada 33 jenis kenderaan yang layak dapat membeli diesel di stesen minyak pada harga subsidi yang lebih murah daripada harga pam. Rasional ke atas kumpulan sasar ini adalah untuk memastikan tambang pengangkutan dan harga barangan tidak meningkat dan seterusnya tidak membebankan rakyat kerana kenderaan mereka masih layak untuk membeli pada harga subsidi.

Sistem Pengurusan Fleet Card dapat mengawal ketirisan yang berlaku melalui konsep kawal selia melalui harga dan kuota. Selain itu, had transaksi juga boleh ditetapkan mengikut lokasi dan jumlah pembelian. Penguatkuasaan pula boleh dilakukan secara digital di mana sekiranya berlaku salah guna penggunaan *fleet card* tersebut, transaksi subsidi di stesen minyak boleh dibatalkan dengan serta merta.

KPDN juga akan meneliti dan membuat analisis ke atas laporan penggunaan diesel daripada syarikat minyak untuk memastikan salah guna subsidi diesel berada di tahap yang minima. Penyasaran subsidi diesel ini hanyalah satu titik permulaan kepada Kerajaan dalam menyelesaikan masalah ketirisan diesel demi kebaikan negara di dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kekangan yang menyebabkan Kerajaan masih belum menguatkuasakan dasar yang mewajibkan pengisytiharan harta dan aset bagi semua anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan sehingga kini.



**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 12 Julai 2023 telah mengambil maklum keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah bertarikh 6 Julai 2023 yang bersetuju antara lain, supaya pengisytiharan harta Anggota Pentadbiran dikuatkuasakan semula. Sehubungan itu, Jemaah Menteri bersetuju supaya SPRM menyediakan format baharu laporan yang lebih komprehensif sebagai langkah penambahbaikan.
2. Susulan daripada itu, satu cadangan format baharu telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) pada 8 Januari 2024. Mesyuarat bersetuju supaya cadangan penambahbaikan format pengisytiharan harta tersebut dibawa untuk perbincangan lanjut kepada Jemaah Menteri sebelum format baharu tersebut dapat dikuatkuasakan.
3. Format baharu tersebut kini sedang diperhalusi dengan mengambil kira input dan pandangan dari agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara sebelum ia dapat dimuktamadkan dan dijangka akan dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tambahan RM4.7 bilion yang akan dibelanjakan untuk sambungan LRT3 dan tren, adakah Prasarana dapat mengekalkan sela perkhidmatan sedia ada 3 minit pada waktu puncak yang boleh memberi manfaat besar kepada penumpang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM4.7 bilion bagi Pengembalian Semula Skop Kerja Asal LRT3 adalah merangkumi pembinaan semula lima stesen LRT, penambahan set tren, kerja-kerja sistem dan kerja-kerja depot yang ditangguhkan sebelum ini.
2. Melalui peruntukan tersebut, sebanyak tujuh set tren tambahan dicadangkan dan menjadikan jumlah keseluruhan set tren sebanyak 29 set untuk pengoperasian LRT3.
3. Dengan pertambahan tujuh set tren ini, sela masa perkhidmatan dapat dikurangkan dari 6 minit waktu puncak pada masa ini kepada sela masa perkhidmatan 4.3 minit. Pengurangan sela masa perkhidmatan ini akan meningkatkan tahap perkhidmatan yang lebih baik kepada para penumpang dari segi waktu menunggu tren yang lebih singkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pelan tindakan bagi penggantian aset pesawat udara TLDM selepas tragedi pelanggaran helikopter jenis Fennec dan helikopter jenis AW 139 pada 23 April 2024 lalu yang telah mengorbankan 10 nyawa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa pelan tindakan dan pendekatan telah dirangka bagi membangunkan keupayaan pesawat udara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebelum tragedi tersebut berlaku lagi. Kementerian Pertahanan melalui TLDM sedang merancang perolehan beberapa buah Helikopter Operasi Maritim (HOM) jenis AW 139 secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 bagi melengkapkan bilangan helikopter ini kepada 8 buah kesemuanya. Pada masa ini, pihak TLDM sedang meneliti dan mempertimbangkan tawaran perolehan pesawat jenis AW 139 melalui kajian terperinci oleh satu Pasukan Kerja Teknikal.

Di samping itu juga, TLDM turut merancang perolehan helikopter tempur baharu berkeupayaan *Anti-Submarine Warfare* (ASW) dalam Rancangan Malaysia Ke-13 bagi menggantikan pesawat Super Lynx TLDM. Sementara menunggu perolehan helikopter baharu, TLDM sedang meneroka dan mengkaji opsyen bagi menaik taraf sistem avionik helikopter Fennec sedia ada sebagai langkah bagi mengurangkan jurang keupayaannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang status hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat selepas Amerika Syarikat masih sokong *genocide* yang dilakukan oleh rejim Israel ke atas rakyat Palestin, khususnya sama ada Kedutaan Amerika Syarikat "diturun taraf" dalam urusannya dengan Malaysia khususnya permohonan membeli tanah GLC Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Bagan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Hubungan diplomatik Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) yang telah terjalin sejak tahun 1957 adalah sangat baik dan telah dipertingkatkan kepada peringkat Perkongsian Komprehensif pada April 2014. Pada tahun ini, Malaysia-AS menyambut ulang tahun ke-10 Perkongsian Komprehensif tersebut. Kedua-dua negara juga mempunyai mekanisme dua hala untuk menangani isu-isu berkepentingan bersama melalui Dialog Pegawai Kanan di peringkat pegawai kanan kerajaan. AS merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia dengan nilai dagangan dua hala tahun 2023 berjumlah RM250.25 bilion (USD54.82 bilion). AS juga merupakan sumber utama kepada pelaburan langsung asing Malaysia dengan jumlah RM100.84 bilion (USD22.09 bilion) pada tahun 2023.

3. Berhubung dengan konflik yang sedang mencengkam di Gaza, keterlibatan AS dalam menyokong tindakan Israel tidak dapat kita nafikan. Walau bagaimanapun, tindakan menurun taraf hubungan Malaysia dan AS hanya akan merugikan negara. Memandangkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel, Malaysia telah menggunakan hubungan baik dengan AS, bagi menyuarakan pendirian tegas kepada AS supaya Israel menghentikan serangan ke atas Palestin, serta menggesa AS memainkan peranan sebagai sebuah kuasa besar yang adil dan patuh kepada undang-undang antarabangsa. Mesej ini telah saya sampaikan sewaktu pertemuan saya dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Antony Blinken sewaktu menghadiri Persidangan Peringkat Tinggi, dengan izin, *"Call for Action: Urgent Humanitarian*

*Response for Gaza*", yang telah berlangsung di Pusat Konvensyen King Hussein bin Talal, Laut Mati, Jordan, pada 11 Jun yang lepas.

4. Tambahan pula, sekiranya Malaysia memilih untuk menurunkan taraf hubungan diplomatik dengan AS, Malaysia, secara prinsipnya, perlu menilai semula hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara lain yang turut menyokong Israel seperti Jerman, United Kingdom, Kesatuan Eropah, Korea Selatan dan banyak lagi. Tindakan menurunkan taraf hubungan diplomatik dengan semua sekutu dan penyokong Israel secara amnya akan memberi impak yang negatif kepada perdagangan dan ekonomi Malaysia, terutamanya sekiranya negara-negara tersebut juga bertindak untuk menimbal balas, atau dengan izin, *reciprocate* dengan menurunkan taraf hubungan diplomatik dengan Malaysia, kerana sokongan Malaysia terhadap perjuangan Palestin.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Saya percaya, tindakan menurunkan taraf hubungan diplomatik bukan merupakan satu-satunya cara bagi memberi tekanan kepada kuasa-kuasa besar untuk bertindak tegas dalam konflik di Gaza. Hubungan baik antara Malaysia dan AS ini telah membantu Malaysia untuk membawa isu-isu sensitif terutamanya isu Palestin ke peringkat antarabangsa dan sebenarnya telah mula membuahkan hasil. Kerajaan AS dalam beberapa siri perbincangan peringkat tertinggi telah memohon Malaysia untuk menjadi pengantara bagi meyakinkan pihak Hamas supaya bersetuju dengan cadangan AS. Perkara ini telah disampaikan sewaktu panggilan telefon antara Yang Berhormat Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri dan Timbalan Setiausaha Negara AS, Tuan Yang Terutama Kurt Campbell pada 4 Jun 2024 serta sewaktu kunjungan hormat ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar AS ke Malaysia, Edgard D. Kagan pada 11 Jun 2024 di Pejabat Perdana Menteri.

6. Ahli-ahli Dewan yang dihormati, sebagaimana kita sedia maklum, Presiden AS pada 31 Mei 2024 yang lalu telah mengumumkan cadangan gencatan senjata tiga fasa, atau dengan izin, *three-phase ceasefire plan* yang bertujuan untuk menamatkan krisis di Gaza. Cadangan ini juga telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu



(UNSC) pada 10 Jun 2024. Elemen utama pelan tersebut adalah gencatan senjata sepenuhnya, pengunduran tentera Israel dari semua kawasan berpenduduk di Gaza, pembebasan tawanan dari kedua-dua pihak, usaha ke arah menamatkan permusuhan secara kekal, serta rancangan pembinaan semula yang komprehensif untuk Palestin. Malaysia turut menyokong cadangan AS ini dan menyeru semua pihak yang berkaitan menerima cadangan tersebut dan berusaha ke arah pelaksanaan sepenuhnya sebagai langkah yang terbaik untuk menamatkan konflik yang berterusan di Gaza dan pengunduran sepenuhnya tentera Israel dari Wilayah Palestin. Untuk makluman ahli-ahli Dewan yang dihormati juga, Kerajaan AS telah berterima kasih kepada Malaysia atas sokongan tersebut dan pada masa yang sama, telah mempelawa Malaysia untuk berkerjasama membangunkan semula Gaza.

7. Perkembangan ini merupakan satu perakuan, atau dengan izin, *recognition* oleh AS terhadap usaha Malaysia yang secara konsisten menggesa gencatan senjata yang kekal dan berkesan bagi menamatkan kekejaman di Gaza. Malaysia kini diberi peluang untuk memainkan peranan yang lebih signifikan ke arah mencapai pembebasan rakyat Palestin dan penubuhan negara Palestin secara mutlak. Malaysia dengan ini akan meneruskan kerjasama dengan AS dan negara-negara lain yang sealiran, serta negara-negara yang kini telah merubah pendirian mereka untuk menggesa kedua-dua pihak menghentikan peperangan serta memberi fokus kepada penyaluran bantuan kemanusiaan dan pembangunan semula Gaza.

**Tuan Yang di-Pertua,**

8. Justeru, persoalan sama ada Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur "diturun taraf" dalam urusannya dengan Malaysia, termasuklah permohonan mereka untuk membeli tanah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah tidak berbangkit. Urusan pembelian tanah tersebut juga merupakan urusan jual-beli komersil, atau dengan izin, *commercial (business) transaction* yang biasa, dan pastinya memakan masa kerana melibatkan perbincangan yang teliti, terutamanya supaya kedua-dua pihak dapat mencapai kata persetujuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [ LARUT ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah syarikat yang mempunyai kepakaran dan kebolehan bagi mengendalikan sistem Demand Responsive Transit (DRT) di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menggalakkan inisiatif *Demand Responsive Transit* (DRT) dan amat menggalakkan pihak yang berminat untuk memohon pelaksanaan Proof of Concept (POC). Sehingga kini, APAD telah meluluskan POC bagi Bus On Demand (BOD) kepada 3 syarikat iaitu Asia Mobiliti Technologies Sdn Bhd (Bangsar, Ampang, dan Puchong), Badan Bas Coach Sdn Bhd (Subang Jaya) dan Kumpool Sdn Bhd. (Bandaraya Melaka).
2. Perkhidmatan BOD merupakan tempahan perkhidmatan bas melalui aplikasi yang dijalankan tanpa jadual dan laluan yang tetap serta beroperasi di dalam zon yang diluluskan. Objektif POC ini adalah untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan, menilai impak kepada perkhidmatan sedia ada (seperti bas berhenti-henti dan taksi) bagi menangani masalah *first mile* dan *last mile* dan mengumpul maklumat tahap penggunaan perkhidmatan BOD dalam kalangan orang awam.
3. Syarikat aplikasi yang berminat boleh memajukan Kertas cadangan berkenaan permohonan POC BOD kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD atau melalui emel [bod@apad.gov.my](mailto:bod@apad.gov.my) bermula 1 September 2022. Syarikat yang memohon akan diberikan tarikh temujanji untuk membuat pembentangan konsep pelaksanaan, lokasi zon dan hentian yang terlibat serta aplikasi yang akan digunakan dalam perkhidmatan berkenaan. APAD akan menilai dan membuat pertimbangan ke atas kertas cadangan tersebut dan Surat Pemberitahuan akan dikeluarkan kepada syarikat bagi memaklumkan keputusan permohonan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
[BERA ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [ BERA ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kemasukan pelancong dari China dan India selepas Kerajaan memberikan pengecualian visa selama 30 hari kepada pelancong daripada kedua-dua negara tersebut sejak ia diperkenalkan pada 1 Disember 2023 sehingga Jun 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Bermula dari 1 Disember 2023, Jabatan Imigresen Malaysia melalui Program Liberalisasi Visa telah memperkenalkan pengecualian visa selama 30 hari kepada warganegara China dan India yang ingin melancong ke Malaysia. Pelaksanaan program ini telah mendapat sambutan yang positif dari pelancong kedua-dua negara tersebut. Ianya dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pelancong dari kedua-dua negara semenjak program tersebut dilaksanakan.

2. Jumlah ketibaan pelancong dari negara China bagi tempoh Disember 2023 hingga April 2024 adalah seramai 1,124,160 iaitu peningkatan sebanyak 238.5% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu seramai 332,144 orang pelancong. Jumlah ketibaan pelancong dari India juga meningkat sebanyak 82.3% iaitu seramai 380,737 bagi tempoh Disember 2023 hingga April 2024 berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu seramai 208,907 orang pelancong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Markas Wilayah Laut 4 di Bintulu akan siap dibangunkan dan apakah usaha Kerajaan dalam memperkasa aset pertahanan laut di Sarawak demi melindungi kedaulatan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Status terkini projek pembinaan Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) di Samalaju, Bintulu, Sarawak masih diperingkat pra pelaksanaan di mana proses pemilikan tanah sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Terdapat isu-isu berbangkit melibatkan pengambilan tanah *Title Land* dan tanah *Native Customary Right* (NCR)/Tanah Hak Adat Bumiputera. Proses pengambilan tanah ini menyebabkan berlakunya peningkatan kos kepada peruntukan sedia ada yang telah diluluskan.

Sehubungan itu, kesesuaian tapak cadangan bagi pembangunan MAWILLA 4 di Bintulu akan diteliti dan dikaji semula oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) termasuk mencari lokasi lain yang lebih bersesuaian terutamanya di kawasan yang lebih hampir dengan Pelabuhan Bintulu dan Bandar Bintulu. Sekiranya proses perolehan tanah ini dapat diselesaikan pada tahun 2024, pembangunan MAWILLA 4 di Bintulu dijangka siap secara keseluruhannya pada tahun 2029.

Berhubung dengan usaha memperkasakan pertahanan maritim di perairan Sarawak, perolehan 3 buah *Littoral Mission Ship Batch 2* (LMS-B2) telah dipersetujui dan majlis menandatangani Surat Setuju Terima (SST) telah dilaksanakan pada 10 Jun 2024 di Ankara, Turkiye. Perolehan ini antara usaha kerajaan dalam memperkasa aset pertahanan laut di Sarawak. Perolehan ini akan mengambil masa kira-kira tiga tahun setengah untuk disiapkan dan Malaysia bakal menerima keseluruhan tiga kapal berkenaan pada akhir 2027.

Sebagai kesimpulannya, perolehan aset ini akan dapat meningkatkan keupayaan mengekang pencerobohan anasir luar dengan lebih efisien dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ BESUT ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ BESUT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini kajian dalam pelaksanaan pampasan (Diyat) sama ada dalam perundangan Islam mahupun sivil.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Diyat merupakan satu konsep pelaksanaan hukuman jenayah yang terdapat di dalam sistem perundangan Islam. Diyat berkaitan khusus dengan jenayah pembunuhan dan kecederaan.
2. Secara umumnya, diyat merupakan pampasan yang dibayar oleh pesalah kepada keluarga mangsa. Selari dengan falsafah perundangan Islam yang objektifnya adalah untuk memberikan keadilan, aspek hukuman bukan sahaja perlu memberi manfaat kepada tertuduh bahkan juga kepada mangsa.



3. Kerajaan mengambil serius berkenaan saranan pelaksanaan diyat dalam sistem perundangan negara. Dalam konteks perlembagaan persekutuan, jenayah pembunuhan dan kecederaan adalah dibawah undang-undang awam persekutuan dan tidak mempunyai kaitan sama sekali dengan undang-undang Syariah.
4. Kerajaan melalui JKSM sebagai agensi yang menyelaras pentadbiran kehakiman syariah telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Satu Perbincangan Meja Bulat (RTD) berkaitan Pelaksanaan Konsep Pampasan (Diyat) dalam Perundangan Malaysia pada 12 Ogos 2022.
5. Resolusi dari RTD tersebut menyatakan bahawa untuk membolehkan konsep pampasan (diyat) dilaksanakan dalam sistem perundangan jenayah negara, ianya memerlukan pindaan kepada beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan dan Akta Tatacara Jenayah.
6. Sehubungan dengan itu, tiada kesalahan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 yang boleh diaplikasikan konsep pampasan (Diyat).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah dan bila akan mula dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perancang Wilayah Persekutuan Labuan Ke-2, Bil.1 Tahun 2023 pada 7 Disember 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, telah membincangkan untuk meneliti cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah ini dilaksanakan secara *Private Finance Initiative* (PFI) bersama dengan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

2. Justeru saya telah menubuhkan Jawatankuasa Pasukan *Task Force* Jambatan Labuan-Sabah pada 14 Januari 2024. Beberapa siri Mesyuarat Penyelarasan Jabatan dan Penyelarasan Pewujudan Pasukan

## SOALAN NO : 88

*Task Force* Jambatan Labuan-Sabah telah diadakan bermula dari bulan Februari hingga Mei 2024 bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan PLANMalaysia telah diadakan.

3. Pada 27 dan 28 Januari 2024, satu lawatan kerja telah dibuat oleh ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan ke Bandaraya Kuching bagi melihat contoh terdekat projek infrastruktur jambatan yang sedang dilaksanakan iaitu Projek Pembinaan Jambatan Sebuyau di samping menjalinkan kerjasama erat antara agensi.

4. Lawatan YAB Perdana Menteri pada 31 Mei 2024 sekali lagi menegaskan akan keperluan kajian kebolehlaksanaan Jambatan Labuan-Sabah memandangkan input kajian yang dilaksanakan sebelum ini oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 2010 adalah data lama dan memerlukan pengemaskinian. Kajian tersebut tidak menyeluruh terutamanya melibatkan aspek-aspek teknikal yang perlu diperincikan dan diambil kira.

5. Pada 6 Jun 2024, YB Menteri KKR memaklumkan pihaknya dalam peringkat penyediaan Terma Rujukan (*Term of Reference*) bagi melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) Jambatan Labuan-Sabah. Kajian ini akan mengambil tempoh masa selama 12 bulan untuk disiapkan dengan anggaran kos sebanyak RM2.5 juta. Keperluan Pembinaan Jabatan Labuan-Sabah akan dimulakan selepas kajian *Feasibility Study* ini diperolehi. Kajian akan mengambil kira aspek-aspek merangkumi ekonomi, sosial dan kebajikan serta kepentingan rakyat. Selain itu, kajian ini juga akan meneliti '*new business model*' dan *Return of Investment (ROI)* dalam pelaksanaan Jabatan Labuan-Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah perancangan untuk menambah bilangan Pusat Internet Desa yang boleh berfungsi sebagai hub pendidikan digital terutamanya di Parlimen Padang Besar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Internet Desa telah diambil alih oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada tahun 2021 untuk ditransformasikan kepada Pusat Ekonomi Digital atau PEDi. Mulai 1 Mac 2024, PEDi telah dijenamakan semula sebagai Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI). Penjenamaan ini dilakukan berikutan dengan perkembangan fungsi NADI yang dahulunya memfokuskan kepada usahawan, namun kini berperanan sebagai pusat sebaran bagi inisiatif-inisiatif dan bantuan-bantuan Kerajaan kepada komuniti setempat. Selain itu, fungsi NADI juga telah berkembang untuk memperkasakan komuniti melalui program-program yang lebih mampan dan relevan untuk merapatkan jurang digital, pengetahuan dan sosio-ekonomi komuniti setempat.

Setakat 1 Jun 2024, terdapat 932 NADI sedang beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 14 NADI kini beroperasi di Perlis di mana lima NADI tersebut berada di kawasan Parlimen Padang Besar.

Menyedari kepentingan NADI kepada komuniti setempat, Kerajaan melalui MCMC di bawah inisiatif 1 DUN 1 NADI telah melaksanakan pertambahan 186 NADI baharu di seluruh negara di mana tiga NADI baharu akan dibangunkan di negeri Perlis termasuk satu NADI di Parlimen Padang Besar yang dijangka beroperasi sepenuhnya sebelum akhir tahun 2024, menjadikan keseluruhannya 17 NADI di Perlis dan enam NADI di Parlimen Padang Besar.

Pengoperasian enam NADI ini akan terus memberi manfaat kepada komuniti di Parlimen Padang Besar, merangkumi bidang-bidang fokus utama iaitu keusahawanan, e-pembelajaran sepanjang hayat, kesejahteraan sendiri dan program kesedaran atau advokasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN  
HAJI ALIAS [ JELEBU ]**

**TARIKH : 24 JUN 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah jemaah haji tahun ini, yang telah pun menunaikan haji sebelum ini iaitu mereka yang menunaikan haji kali kedua, ketiga, dan seterusnya. Kuota haji khas untuk Menteri dan Ahli Parlimen wajar diberikan kerana bilangan kumpulan ini adalah kecil sahaja dan kami juga rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jemaah haji musim 1445H/2024M yang telah menunaikan haji sebelum ini adalah 2,410 orang.
2. Mereka terdiri daripada jemaah giliran haji tahun ini yang telah membuat pendaftaran haji sebelum tahun 2010 serta mereka yang terpilih sebagai rayuan mahram atau pun sebagai pembantu jemaah lanjut usia atau jemaah orang kelainan upaya (OKU).
3. Bagi mengawal tempoh menunggu yang lama, sejak tahun 2010, Tabung Haji telah menetapkan pendeposit yang sudah menunaikan haji, hanya dibenarkan mendaftar haji semula setelah tempoh 5 tahun.
4. Manakala mulai tahun 2019, Tabung Haji tidak lagi membenarkan pendaftaran semula bagi yang telah pernah menunaikan haji kerana peningkatan jumlah pendaftaran haji yang kini mencecah hampir empat (4) juta orang pendeposit.
5. Tabung Haji juga tidak memperuntukkan sebarang kuota khas kepada mana-mana kumpulan atau pihak tertentu kerana mengamalkan sistem pemilihan di mana yang daftar haji dahulu akan didahulukan.

Sekian, Terima kasih.